

**KESEMBILAN**

*Ninth*

**PERTAMA**

*First*

---

—

**Jilid 1 Bil. 57 Hari Khamis 7hb. Disember, 1995**

---

—

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Ruangan 38)**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 1996

**Jawatankuasa:**

**Jadual -**

Maksud B. 47 (Ruangan 39)

Maksud B. 48 (Ruangan 81)

**USUL:**

Anggaran Pembangunan 1996

**Jawatankuasa:**

Maksud P. 47 (Ruangan 39)

Maksud P. 48 (Ruangan 81)

**DEWAN RAKYAT YANG KESEMBILAN**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**

**Penggal Yang Pertama**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Tuan Chua Jui Meng, P.I.S. (Bakri)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Megat Junid bin Megat Ayob, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dr. Leo Michael Toyad, J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S.  
(Titiwangsa)

- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Azmi bin Khalid, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Tan Chai Ho, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Puan Shahrizat binti Abdul Jalil (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)

P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

- “ Dato’ Haji Abu Dahari bin Osman, D.I.M.P., A.M.P., P.J.K (Lipis)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M, J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abul Rahman (Libaran)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin, B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)

Yang Berhormat Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)

- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)

Yang Berhormat Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)

- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim, A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)

Yang Berhormat Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)

- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Tuan Othman bin Abdul, A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S.  
(Gua Musang)

Yang Berhormat Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Salamon bin Selamat, S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)



- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P.. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)

Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr.Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

#### DEWAN RAKYAT

#### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik

Pmk. Ketua Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

### **CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.  
Haji Suhor bin Husin

Pelapor Perbahasan Parlimen: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Hajah Kalsom binti Ghazali  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Zaharah binti Naim  
Norwahidah binti Azizi  
Rozita binti Abd. Samad  
Jainah binti Sakimin  
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop  
Shamsina binti Janor

Bentara Mesyuarat: Lt .Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

**MALAYSIA****DEWAN RAKYAT****Khamis, 7hb. Disember, 1995****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang****D O A****[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN****PROGRAM PEMBANGUNAN INSAN BAGI  
PEKERJA INDUSTRI - MENINGKATKAN**

**1. Tuan Noh bin Omar** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk meningkatkan program-program pembangunan insan di kalangan pekerja industri memandangkan wujudnya masalah sosial yang semakin ketara dewasa kini.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini telah pun saya pernah sedikit sebanyak menjawab dalam sesi ini. Namun demikian, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Buruh sentiasa mempromosikan program-program berkaitan dengan pembangunan insan bagi pekerja-pekerja industri yang bertujuan untuk melahirkan tenaga kerja yang mempunyai sifat-sifat dan nilai-nilai yang positif. Program-program tersebut dirangka dengan kerjasama badan-badan

yang bertanggungjawab ke atas pembangunan kerohanian seperti Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri dan Institut Kefahaman Islam Malaysia, termasuk badan-badan yang mewakili kepentingan majikan dan pekerja seperti Persekutuan Majikan-majikan Malaysia, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia dan Pertubuhan Buruh Malaysia.

Usaha-usaha untuk meningkatkan nilai murni dan akhlak mulia di kalangan pekerja-pekerja berjalan secara tersusun dan berterusan. Sehubungan itu, sukalah saya memaklumkan bahawa di antara program yang sedang dijalankan ialah merangka satu kod amalan kemudahan beribadat dalam waktu kerja. Dengan adanya kod tersebut, pihak majikan dan pekerja akan jelas hak masing-masing mengenai kemudahan menunaikan fardu sembahyang di dalam waktu kerja tanpa menjejaskan operasi kilang.

Selain dari itu, semasa lawatan pemeriksaan di tempat-tempat kerja oleh pegawai-pegawai buruh, majikan-majikan adalah sentiasa digalakkan supaya menganjurkan majlis-majlis agama yang sesuai di tempat kerja atau asrama pekerja bagi meningkatkan lagi penghayatan tentang agama dan tuntutan-tuntutan agama, khususnya di kalangan pekerja-pekerja beragama Islam. Majikan-majikan juga digalakkan melantik seorang pegawai kaunseling untuk memberi perkhidmatan kaunseling kepada pekerja-pekerja tentang aspek-aspek kerohanian dan akhlak, khususnya pekerja-pekerja yang mempunyai atau mungkin akan menghadapi masalah sosial. Adalah diharapkan bahawa program pembangunan insan yang

diperkenalkan itu bukan sahaja akan dapat mewujudkan pekerja-pekerja yang sempurna dari segi rohani, tetapi juga akan dapat meningkatkan produktiviti serta pengeluaran syarikat.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu masalah-masalah sosial yang berlaku sekarang dan cara-cara penyelesaian yang telah diambil itu, sejauh mana keberkesanannya? Adakah dapat mengurangkan masalah ataupun masih lagi meningkat masalahnya?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan memang sedar, maka itulah sebabnya program yang telah saya nyatakan tadi sedang dilancarkan. Kita sedang mengambil berbagai-bagai langkah supaya program ini dapat dipesatkan lagi oleh pihak kerajaan dan juga pihak swasta, khususnya pihak syarikat-syarikat yang berkaitan. Alhamdulillah, sedikit sebanyak dengan adanya program-program ini kita dapat melihat tentang kesan baiknya.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada program-program pembangunan sosial yang diberi dan dirancang oleh kementerian kepada pekerja-pekerja kilang ini, kita mempunyai masalah sekarang ini kerana terdapat kilang-kilang pada waktu ini seolah-olah melamar dan mencari kakitangan melalui sekolah-sekolah. Selepas sahaja murid-murid sekolah itu habis belajar, sewaktu menunggu keputusan peperiksaan, mereka telah disediakan dengan pekerjaan di kilang-kilang.

Jadi, saya ingin bertanya sama ada kementerian sedar ataupun tidak akan perkara ini? Kalau sedar, adakah cadangan kementerian untuk meminda akta buruh ini dari segi menghadkan umur pekerja daripada yang serendahya kepada 21 tahun untuk membanteras masalah ini?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, soal mencari pekerja dari kalangan lepasan sekolah ini memang satu rancangan atau program kerajaan, kerana kita mengadakan berbagai-bagai program di mana pihak kerajaan memberi berbagai-bagai ceramah tentang peluang-peluang pekerjaan yang terdapat di bidang swasta, khususnya peluang-peluang latihan yang mereka boleh perolehi di merata-rata tempat.

Kita tahu bahawa kebanyakan penuntut dalam Tingkatan 4 atau 5 adalah dalam umur 17 tahun, 18 tahun dan sebagainya. Itu adalah umur yang mereka boleh bekerja. Jadi, kerajaan tidak bercadang untuk meningkatkan umur ini kepada 21 tahun kerana selepas Peperiksaan SPM, ada penuntut-penuntut yang mungkin tidak berminat lagi untuk meneruskan pelajaran mereka kepada STP ataupun ke universiti, maka mereka digalakkan untuk pergi kepada latihan-latihan vokasional ataupun teknikal tertentu.

## **PEKERJA ASING TERLIBAT AKTIVITI JENAYAH - LANGKAH MENGATASI**

2. **Dr. Tan Chong Keng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-
  - (a) tindakan kementeriannya untuk memastikan pekerja-pekerja asing tidak terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang melanggar

undang-undang seperti pecah masuk, rompak, rogol dan salah guna dadah;

- (b) tindakan oleh Jabatan Pendaftaran Negara bagi pekerja-pekerja asing yang melahirkan anak di Malaysia dan implikasi sosial; dan
- (c) apakah masalah pendidikan untuk anak-anak pekerja asing di Malaysia.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tindakan-tindakan yang diambil oleh kementerian bagi memastikan pekerja-pekerja asing tidak terlibat dalam aktiviti yang melanggar undang-undang seperti pecah masuk, rompak dan salah guna dadah adalah seperti berikut:
  - (i) pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) menjalankan tugas mencegah jenayah 24 jam setiap hari tanpa mengira kategori orang-orang yang mungkin melakukan jenayah termasuk rakyat asing yang bekerja di negara ini;
  - (ii) PDRM melancarkan Ops Nyah II Fasa II di semua tempat kerja dan tempat tinggal pekerja-pekerja asing. Di samping itu, pegawai dan anggota polis daripada balai polis yang berhampiran ada mengadakan rondaan cegah jenayah ke kongsi-kongsi tempat pekerja asing

- tinggal dan di tempat-tempat kerja mereka;
- (iii) mengadakan perjumpaan dan majlis penerangan/dialog dengan syarikat-syarikat dan majikan-majikan yang menggunakan pekerja-pekerja asing supaya menentukan pekerja-pekerja mereka dikawal selia dengan rapi dan tidak terlibat dengan jenayah;
  - (iv) apabila didapati mana-mana pekerja-pekerja asing terlibat dengan jenayah, segala dokumen yang mengesahkan kehadiran mereka akan dirampas dan dibatalkan. Mereka akan dituduh di mahkamah dan setelah habis menjalani hukuman penjara, mereka akan dihantar pulang ke negara asal mereka.
- (b) Mengikut Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957, kelahiran tiap-tiap kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia hendaklah didaftar oleh Pendaftar bagi kawasan pendaftaran di mana-mana kanak-kanak itu dilahirkan. Ini bermakna seorang warga asing yang melahirkan anak di Malaysia dikehendaki mendaftarkan kelahiran anak mereka dan daftar kelahiran mereka diletak di bawah Daftar Orang Asing.

Walau bagaimanapun, dasar Kerajaan Malaysia sekarang ialah pekerja-pekerja asing adalah tidak dibenarkan



membawa isteri mereka datang ke sini dan melahirkan anak.

Oleh yang demikian, soal melahirkan anak secara beramai-ramai ini sepatutnya tidak timbul.

- (c) Bahagian soalan ini adalah lebih sesuai dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan agar jawapan yang lebih tepat boleh diperolehi.

**Datuk Abu Seman bin Haji Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh pekerja-pekerja asing ini mengikut kajian kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah dari golongan pekerja asing yang datang secara haram ataupun yang datang secara sah?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kegiatan-kegiatan jenayah yang dapat dikesan atau ditangkap kebanyakannya datang daripada golongan pendatang tanpa izin. Mereka yang datang secara sah dengan work permit boleh dikatakan sangat kurang terlibat dalam kegiatan jenayah.

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimanakah Bahagian Pencegah Jenayah menjalankan tugas, jikalau kenderaan ataupun kereta peronda itu hanya enam buah sahaja untuk satu kawasan, seperti kawasan Bukit Mertajam dan Seberang Perai, enam buah kereta peronda untuk satu kawasan yang di dalamnya ada lebih daripada 25 buah taman perumahan? Terima kasih.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, soalan itu adalah mengenai logistik tempatan. Saya rasa pada keseluruhannya polis memang cuba mempertingkatkan kemudahan dengan menambahkan apa-apa kenderaan mengikut kemampuan belanjawan. Adalah menjadi hasrat pihak polis untuk memberikan satu perkhidmatan yang lebih berkesan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman.

*[Soalan No. 3 - Y.B. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman tidak hadir]*

#### **RUMAH KOS RENDAH DI SARAWAK - RANCANGAN PEMBINAAN**

4. **Tuan Chiew Chiu Sing** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilangan rumah kos rendah yang dirancang untuk dibina di Sarawak sehingga kini. Nyatakan jumlah purata yang telah siap dibina.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan rumah kos rendah yang dirancang dibina di negeri Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Keenam ialah 10,099 unit. Sehingga 13 Disember, 1994 sebanyak 4,954 unit telah disediakan oleh agensi-agensi kerajaan.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan orang-orang politik selalunya campur tangan dalam permohonan untuk mendapat rumah kos rendah dan campur tangan juga dalam bayaran bulanan dan ini mengakibatkan hutang yang begitu besar masih belum dibayar.

Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah langkah-langkah yang kementerian akan ambil terhadap perbuatan seperti ini?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai campur tangan orang politik ini kita tidak ada apa-apa laporan. Ini salah anggap oleh Ahli Yang Berhormat dari Bintulu. Jikalau ada apa-apa berlaku seperti yang dituduhkan tadi, Ahli Yang Berhormat dari Bintulu patut memberi maklumat yang terperinci supaya kita boleh siasat, jangan lemparkan tuduhan seperti ini sahaja.

Mengenai pinjaman yang belum dibayar balik, ini memang berlaku dan pihak Kerajaan Negeri iaitu PERUMAS sedang mengambil tindakan terhadap mereka yang masih berhutang bayaran itu.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi kita difahamkan di dalam Rancangan Malaysia Keenam hanya 10,099 unit sahaja. Saya ingin bertanya berapakah yang akan dibina ataupun dicadangkan akan dibina di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh khususnya di negeri Sarawak?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan dalam Rancangan Malaysia Keenam ini belum diputuskan kerana semua cadangan untuk membina rumah kos rendah ini perlu diberi kelulusan dari segi kewangannya dan pihak Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri masih membuat siasatan dan apabila cadangan itu diluluskan baru kita boleh mengumumkan angka itu.

## **PENDERAAN KANAK-KANAK - KAJIAN UNDANG-UNDANG**

**5. Dr. G. Leelavathi** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan seperti yang sedia maklum masalah kes penderaan kanak-kanak pada masa kini semakin meningkat dari masa ke semasa. Memandangkan hukuman yang dikenakan ke atas pesalah-pesalah yang mendera kanak-kanak tidak begitu berat, kes-kes penderaan kanak-kanak semakin berleluasa. Adakah pihak kementerian mempunyai hasrat untuk mengkaji balik Akta Undang-undang Penderaan Kanak-kanak supaya hukuman yang lebih berat dapat dikenakan ke atas pesalah-pesalah atau yang tertuduh mendera kanak-kanak.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan G. Palanivel]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini sedar tentang saranan berbagai pihak supaya dikenakan hukuman yang lebih berat terhadap pendera-pendera kanak-kanak. Justeru itu, langkah tertentu akan diambil untuk membincang serta meneliti perkara ini. Jika perlu dan bersesuaian, tindakan akan diambil untuk meminda undang-undang yang sedia ada bagi tujuan tersebut. Tetapi buat masa sekarang undang-undang yang sedia ada ialah mencukupi dan hukuman yang berat termasuk hukuman mati boleh dikenakan terhadap pendera-pendera yang terbukti kesalahannya. Namun demikian, kementerian ini akan terus mengambil tindakan yang bersifat pencegahan dan mengawal masalah ini. Di antara lain seperti berikut:-

- (i) meningkatkan keberkesanan pasukan perlindungan kanak-kanak yang telah diwujudkan di peringkat negeri dan daerah melalui pelbagai aktiviti yang bersifat pencegahan dan pemulihan;
- (ii) menambah jumlah pusat aktiviti kanak-kanak di seluruh negara sebagai wadah untuk menyelaras serta menyampaikan perkhidmatan kepada kanak-kanak dan keluarga yang berisiko tinggi;
- (iii) sehingga kini 37 buah pusat aktiviti kanak-kanak telah ditubuhkan dan bilangan ini dijangka bertambah kepada 45

pada akhir tahun 1995;

- (iv) perkhidmatan Teledera yang telah dilanjutkan selama 24 jam semenjak Januari tahun 1993 akan terus dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk membolehkan orang ramai menyampaikan maklumat tentang penderaan kanak-kanak jika ada;
- (v) mengadakan kempen kesedaran seperti seminar, bengkel, ceramah, kursus dan menyebarkan risalah serta poster dengan kerjasama pihak korporat dan swasta; dan
- (vi) mendidik masyarakat agar lebih peka dan prihatin terhadap kebajikan serta kesejahteraan anak-anak melalui pendedahan media percetakan dan elektronik.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian dalam usahanya untuk membanteras kes penderaan kanak-kanak kementerian telah menyediakan talian Teledera. Saya ingin mendapatkan penjelasan, bagaimanakah sambutan orang ramai terhadap Teledera ini dan adakah kementerian telah berjaya untuk mengambil tindakan segera tentang maklumat-maklumat yang disampaikan melalui Teledera ini?

**Tuan G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, sambutan dari orang ramai mengenai perkhidmatan Teledera adalah baik dan melalui perkhidmatan teledera kita telah menerima beratus-ratus laporan daripada pihak orang awam dan kementerian dan agensi-agensi lain termasuk polis dan juga pertubuhan-pertubuhan sukarelawan mengambil tindakan segera untuk mengatasi masalah-

masalah ini dan jika perlu mengambil tindakan. Terima kasih.

**Tuan Kamarudin bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menyentuh tentang kes penderaan kanak-kanak nampaknya begitu kerap berlaku di negara ini dan ini adalah satu isu psikologi. Adakah pihak kementerian membuat kajian yang teliti dan seterusnya mengambil tindakan secara pemulihan bagi pendera ataupun orang yang dilaporkan yang tidak diambil tindakan mahkamah tetapi dilaporkan kepada pihak kementerian melalui Teledera? Terima kasih.

**Tuan G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1991 kementerian dengan kerjasama UNICEF telah menjalankan satu kajian mengenai ‘child abuse’ dan ‘child neglect’ dan semua recommendations yang berkaitan dengan kajian ini telah diambil perhatian oleh kementerian tersebut dan tindakan di mana-mana perlu telah diambil.

Mengenai kaunseling, kementerian ini menjalankan kaunseling di peringkat negeri dan di peringkat daerah melalui Pasukan Perlindungan Kanak-kanak dan Pusat Perlindungan Kanak-kanak di seluruh negara. Terima kasih.

#### **MEMORANDUM PERSEFAHAMAN UNIMAS-INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI LUAR NEGARA**

6. **Puan Rohani bin Abdul Karim** minta Menteri Pendidikan menyatakan tentang berapa MoU yang ditandatangani antara UNIMAS dan beberapa institusi pengajian tinggi dari luar negara, apakah perjanjian atau persetujuan yang telah dicapai dan bilakah kerjasama ini akan dilaksanakan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan

Yang di-Pertua, setakat ini UNIMAS telah menandatangani sebanyak 20 memorandum persefahaman (MoU) dengan institusi pendidikan tinggi dan sektor swasta luar negara. Antara kerjasama yang dipersetujui dan telah dilaksanakan di dalam memorandum tersebut ialah:

- (i) program pertukaran pelajar dan staf;
- (ii) penyelidikan, latihan dan perundingan;
- (iii) menganjurkan seminar;
- (iv) pertukaran bahan-bahan akademik dan maklumat serta apa juga program yang ditandatangani faedah kepada UNIMAS dan agensi yang terlibat.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin minta penjelasan daripada Timbalan Menteri, pada masa ini banyak institusi pengajian tinggi di Malaysia ini yang tumbuh macam cendawan. Berapa banyakkah universiti yang membuat MoU dengan pengajian tinggi tempatan dan berapa banyak yang di luar negeri. Apakah peranan Kementerian Pendidikan dalam hal ini? Terima kasih.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, segala memorandum persefahaman yang universiti-universiti tempatan ingin menandatangani dengan pihak swasta atau universiti-universiti luar negara dari segi prinsipnya haruslah memberitahu Kementerian Pendidikan dan mendapat kebenaran. Kementerian Pendidikan memang menggalakkan universiti-universiti tersebut untuk

bekerjasama dengan agensi-agensi yang lain jikalau kerjasama itu akan memberi faedah kepada universiti tempatan, staf dan juga kepada masyarakat kita.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam perkara menandatangani MoU dan mewujudkan usaha kerjasama antara universiti tempatan dengan UNIMAS dan pusat pengajian tinggi yang lain, adakah pihak kementerian mempunyai dasar dari segi prioritas-prioritas dan garis-garis panduan yang lain berkenaan dengan keutamaan bidang-bidang yang boleh diusahakan sebagai bidang-bidang di bawah kerjasama dengan pihak pengajian tinggi yang lain ataupun adakah ini terletak kepada institusi universiti kita di negara ini semata-mata?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi keseluruhannya memang setiap universiti tempatan mempunyai pernyataan misi yang merangkumi dan menerangkan tujuan utama universiti-universiti tersebut dan dari segi mencari universiti-universiti yang lain untuk bekerjasama untuk mempertingkatkan kebolehan dan imej universiti tersebut, Kementerian Pendidikan menggalakkan universiti-universiti tersebut memberi fokus pada misi statement tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi.

*[Soalan No. 7 - Y.B. Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi tidak hadir]*

**LESEN TEKSI/KERETA SEWA - JUMLAH**



8. **Tuan Kamarudin bin Ahmad** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah permit yang dikeluarkan untuk perusahaan teksi dan kereta sewa di tiap negeri di seluruh negara. Adakah jumlah tersebut mencukupi untuk keperluan pengangkutan awam masa kini;
- (b) pada suatu masa dahulu kementerian telah mewujudkan sebuah badan yang dinamakan Jawatankuasa Penasihat Pengangkutan Awam dan Perdagangan bagi negeri-negeri. Apakah ianya masih berfungsi dan adakah nasihat mereka diambil tindakan sewajarnya; dan
- (c) jumlah tindakan yang dikenakan oleh Bahagian Pelesenan Kenderaan Awam terhadap pengusaha-pengusaha teksi dan kereta sewa tahun ini berdasarkan kesalahan/pelanggaran syarat termasuk tidak menyimpan kenderaan di pengkalan yang ditetapkan.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]:**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah lesen teksi yang diluluskan di seluruh negara sehingga 30hb Jun, 1995 adalah 22,316, manakala lesen kereta sewa adalah 23,241. Pecahahan jenis lesen ini mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Bil lesen teksi dan kereta sewa yang diluluskan
Perlis	445
Kedah	3,294
Pulau Pinang	1,451
Perak	3,946
Selangor	4,665
Wilayah Persekutuan	10,565
Pahang	2,136

Kelantan	2,315
Terengganu	769
Melaka	1,098
Negeri Sembilan	1,786
Johor	6,644
Sabah	4,500
Sarawak	1,943

Kementerian ini mendapati bahawa bilangan lesen teksi dan kereta sewa yang diluluskan pada setiap negeri pada masa ini adalah mencukupi. Kadar bandingan penduduk dengan bilangan lesen teksi dan kereta sewa ialah 399:1 bagi seluruh negara.

- (b) Jawatankuasa Penasihat Pengangkutan Awam dan barang-barang di peringkat negeri masih berfungsi walaupun tidak semuanya bergerak secara aktif. Secara umumnya, pandangan dan nasihat Jawatankuasa ini diambil kira dalam urusan pengeluaran lesen oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP).
- (c) Pada tahun ini LPKP masih belum mengambil tindakan kuatkuasa terhadap kereta sewa yang tidak balik ke pengkalan masing-masing. Sungguhpun demikian, Jabatan Pengangkutan Jalan yang menguatkuasakan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan telah mengambil tindakan ke atas teksi dan kereta sewa yang melakukan kesalahan. Sehingga 30hb September, 1995 tindakan yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) pemandu teksi tidak menggunakan meter dan mengenakan tambang lebih - 541 kes;
- (ii) pemandu teksi kasar dengan penumpang - 234 kes;
- (iii) pemandu teksi enggan mengambil penumpang - 183 kes;
- (iv) lain-lain kesalahan ke atas teksi termasuk mengeluarkan asap hitam berlebihan dan lesen habis tempoh kuatkuasanya - 2,836 kes;
- (v) pemandu kereta sewa mengenakan tambang lebih - 8 kes;
- (vi) pemandu kereta sewa kasar dengan penumpang - 8 kes;
- (vii) pemandu kereta sewa enggan mengambil penumpang - 62 kes; dan
- (viii) lain-lain kesalahan terhadap kereta sewa termasuk mengeluarkan asap hitam berlebihan dan lesen habis tempoh kuatkuasanya - 2,145 kes.

Untuk makluman, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dalam tahun ini telah pun membatalkan 10 lesen teksi di atas kesalahan pemandu mempercepatkan meter tambang teksi.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mendapat penjelasan tambahan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai

perkhidmatan teksi limousin, Lapangan Terbang Subang. Memandangkan tempat pertama pelancongan mula melangkah ke negara kita ialah melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Adakah kerajaan sedar bahawa perkhidmatan teksi limousin ini boleh diperbaiki lagi, dan kita dapat faham bahawa kebanyakan kenderaan yang digunakan merupakan kenderaan-kenderaan yang sudah pun terpakai, dan kita dapati kotor dan dalamnya bau pun tidak selesa, di samping mengeluarkan asap hitam yang banyak?

**Tuan Idris bin Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat dari Kangar. Memang kita sedar tentang kelemahan-kelemahan yang sedang berlaku di Subang, dan kita telah mengambil tindakan-tindakan seperti memastikan yang pemandu-pemandu memakai uniform. Ini berjalan phase demi phase. Untuk menukar kenderaan lama, mengikut pada akhir tahun ini, semua kenderaan yang lebih 20 tahun tidak akan dapat digunakan lagi. Sehingga pertengahan tahun depan, yang 15 tahun dan seterusnya, yang 10 tahun daripada pertengahan 1997 semua teksi yang umurnya lebih daripada 7 tahun tidak dapat digunakan lagi.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, ke arah melahirkan pemandu-pemandu yang cekap di kalangan pemandu-pemandu kenderaan PSB didapati terdapat di kalangan yang bukan bumiputera telah menjadi pemandu-pemandu teksi, yang mana latar belakangnya tidak begitu mempunyai pengetahuan dari segi negara Malaysia. Adakah kementerian sedar masalah ini, dan apakah rancangan antara Kementerian Pembangunan Usahawan, khususnya LPKP, dan juga

Kementerian Pengangkutan, JPJ bagi merombak semula ataupun mengubah semula kurikulum baru pelesenan PSB ini bagi menyediakan pemandu-pemandu yang lebih berpengetahuan tinggi tentang negara kita supaya perkhidmatan teksi ini dapat menjalankan perkhidmatan yang lebih cemerlang?

**Tuan Idris bin Jusoh:** Terima kasih, Yang Berhormat. Memang langkah-langkah sedang dan akan diadakan dengan kerjasama JPJ untuk memastikan pemberian lesen PSB ini akan perketatkan.

Kedua, latihan-latihan juga akan diberi kepada pemandu-pemandu ini supaya perkhidmatan yang lebih dapat dijalankan oleh mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hoi Chew.

*[Soalan No. 9 - Y.B. Tuan Robert Lau Hoi Chew tidak hadir]*

## LEBUHRAYA KUANTAN-KUALA TERENGGANU

10. **Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-

- (a) bilakah lebuhraya Kuantan-Kuala Terengganu akan dilaksanakan oleh konsortium yang dipimpin oleh MMC Engineering;
- (b) adakah konsortium berkenaan akan menggunakan laluan yang sedia ada atau akan merancang laluan baru; dan
- (c) berapa banyak 'interchange' akan dibina untuk menghubungkan pekan-pekan besar.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua,

untuk makluman Yang Berhormat, jawapan bagi soalan,

- (a) Lebuhraya Kuantan-Kuala Terengganu atau lebih dikenali sebagai Lebuhraya Pantai Timur masih dalam peringkat rundingan di antara pihak kerajaan dengan konsortium yang dipimpin oleh Malaysian Mining Cooperation Bhd. Mengikut perancangan asal pelaksanaan akan bermula selepas rundingan selesai dan Perjanjian Konsesi ditandatangani bersama kerajaan dengan konsortium pada awal tahun 1996.
- (b) Terdapat dua alternatif jajaran bagi projek ini yang dicadangkan. Walau bagaimanapun, pemilikan jajaran belum muktamad dan masih dalam perbincangan bersama agensi-agensi kerajaan, Kerajaan Pusat serta Unit Perancang Ekonomi negeri-negeri berkenaan. Oleh itu, belum dapat dipastikan sama ada jajaran lebuh raya ini akan melibatkan laluan sedia ada ataupun laluan baru.
- (c) Konsortium telah mencadangkan 15 buah interchange di dalam cadangan projek di atas, iaitu 8 buah di negeri Pahang, dan 7 buah di negeri Terengganu. Walau bagaimanapun, lokasi spesifik belum dimuktamadkan kerana tertakluk kepada perbincangan dengan Unit Perancang Ekonomi negeri-negeri berkaitan.

**Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan bercadang untuk menyambung Lebuhraya Pantai Timur ini daripada Kuantan ke Kuala Terengganu dan seterusnya Kuala Terengganu ke Besut, negeri Terengganu?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang kita telah bincang dalam kementerian, iaitu satu jajaran yang lain. Tetapi pembinaan ini akan selesai dengan Kuala Terengganu dahulu.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pihak kerajaan tidak berhasrat untuk membuat satu lebuh raya yang menghubungkan di antara Bentung dan Kuala Lipis, memandangkan jalan yang ada sekarang ini bukan sahaja macam ular kena pukul, tetapi ia amat berbahaya kepada lalu-lintas?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, bukan kerajaan tidak berhasrat. Ada juga banyak rancangan. Di antara rancangan itu, beberapa buah jalan telah ditetapkan untuk kawasan-kawasan berkenaan seperti disebutkan Ahli Yang Berhormat tadi. Jadi, saya percaya apabila kita selesaikan pembinaan jalan raya daripada Perak ke Kampung Raja di Cameron Highlands, selepas itu ke Kuala Lipis, dari Kuala Lipis ke negeri Kelantan, jadi sudah selesailah masalah selepas itu. *[Ketawa]*

## LAPISAN OZON - LANGKAH MENJAGA

11. **Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

- (a) langkah-langkah melalui peraturan dan perundangan bagi menjaga dan mengekalkan tahap lapisan ozon di ruang udara Malaysia; dan
- (b) status lapisan ozon di ruang udara Malaysia; dan
- (c) langkah-langkah bagi mengekalkan kualiti alam sekitar.

**Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat pembedaan kepada soalan (b) status lapisan ozon di ruang udara Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke-11.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan,

- (a) Beberapa langkah melalui peraturan dan perundangan bagi menjaga dan mengekalkan tahap lapisan ozon di Malaysia telah diambil. Di antaranya memperkenalkan:
  - (i) Perintah Kastam (Pindaan) (No.35) 1989, bagi mengawasi import klorofluorokarbon (CFC) dan halon;
  - (ii) Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Larangan ke Atas Penggunaan klorofluorokarbon dan lain-lain gas sebagai propelan agen pengembang) 1993;
  - (iii) Permohonan permit import yang berkuat kuasa pada 7hb. April 1994; dan



- (vi) Perintah Kastam (Pindaan) (No.11) 1994, bagi mengawasi import Hidroklorofluoro Karbon (HCFC), methil bromid, methil klorofom dan karbon tetraklorid.
- (b) status lapisan ozon di ruang udara kita adalah normal, iaitu antara 230-270 unit Dobson. Pengamatan ini diambil menerusi stesen pengawasan ozon yang telah dilancarkan oleh Jabatan Kajicuaca sejak tahun 1994.

Bagi menjawab soalan

- (c) antara langkah-langkah bagi mengekalkan kualiti alam sekitar terutama berhubung pengawasan penipisan lapisan ozon iaitu dengan menggalakkan penggunaan:
  - (i) membeli barang bebas mengandungi CFC;
  - (ii) membuat gantian segera kepada teknologi bebas CFC bagi memastikan produk dapat bersaing di peringkat antarabangsa; dan
  - (iii) pendingin udara dan refrigeran menggunakan alat guna semula CFC.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Kamarudin bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan dan ini memerlukan penjelasan. Apakah yang menyebabkan terhakisnya ozon layer di ruang udara Malaysia dan apakah kesan kepada alam sekitar di Malaysia

ini apabila ozon layer ini dihakiskan? Terima kasih.

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah semua perbuatan manusia dan untuk setakat ini alhamdulillah, ianya tidak berbahaya lagi.

*[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya Yang Berhormat ada menyebut beberapa langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan. Apakah pendapat....tunggu sekejap, apakah pendapat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat teruskan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, apakah pendapat kerajaan mengenai air-condition, kita merupakan satu negara yang mengeksport air-condition yang terbesar, yang terbanyak di dunia. Dan kebanyakan air-conditioner ini ialah CFC dan apakah sikap kerajaan mengenai pengeluaran air-condition CFC ini dan bagaimana kita dapat menyelesaikan masalah eksport kita yang akan terjejas?

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, untuk setakat ini kita punya eksport air-condition ke luar negeri tidak terjejas, malah mendapat sambutan yang baik. Kita jaga control CFC dia, dia mesti sampai kepada satu dia punya tahap dia. Tidak terjejas, itu sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat, mungkin itu jelas, soalan saya ialah.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya rasa Yang

Berhormat tadi bila Yang Berhormat menyoal soalan itu pun lebih daripada satu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itu pun dia tidak begitu....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Cukup Yang Berhormat, cukup. Yang Berhormat Tuan Fu Ah Kiow.

### **MAJLIS PERBANDARAN SYARAT-SYARAT PENINGKATAN STATUS**

12. **Tuan Fu Ah Kiow** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh sesuatu majlis daerah untuk meningkat ke status majlis perbandaran.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh sesuatu majlis daerah dinaikkan taraf kepada majlis perbandaran adalah seperti berikut :-

- (i) berkedudukan pusat bandar, pada kebiasannya ibu kota negeri tetapi tidak semestinya;
- (ii) penduduk telah melebihi 100,000 orang;
- (iii) hasil pendapatan tahunan telah melebihi RM5 juta;
- (iv) mempunyai Pusat Pentadbiran yang sedia ada; dan
- (v) keperluan penduduk lebih tertumpu kepada perkhidmatan

bandaran berbanding dengan projek-projek prasarana;

**Tuan Yunof Edward Marinking:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan atau Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sudah mengambil langkah-langkah persiapan untuk menaikkan taraf Kota Kinabalu ke status bandar raya di dalam tahun 1900 dan bersetuju dan jika ada, apakah tindakan-tindakan untuk membersihkan badar itu dan memperbaiki jalan-jalan raya dan juga rumah-rumah setinggan yang masih wujud walaupun tinggal hanya setahun lagi bandar itu akan dinaikkan taraf? Terima kasih.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan pendek ialah ya, langkah sudah diambil. Tentang lain-lain perkara itu diuruskan oleh pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Perbandaran Kota Kinabalu sekarang dan saya rasa di peringkat Persekutuan tidak boleh campur tangan dalam pentadbirannya.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa buah majlis daerah telah memohon untuk meningkat ke status majlis perbandaran? Adakah ini termasuk Majlis Daerah Temerloh? Terima kasih.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Ya, Majlis Daerah Temerloh pun sudah meminta statusnya ditukarkan. Ini kita pulangkan kepada Kerajaan Negeri Pahang untuk mengambil langkah dan apabila Kerajaan Negeri Pahang sudah meluluskan permohonan ini barulah permohonan ini disampaikan kepada pihak kementerian.

#### **HARGA BARANG DI KAWASAN PEDALAMAN - KENAIKAN**

**13. Tuan Haji Mustafa bin Muda** minta Menteri Perdagangan Dalam

Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan adakah Kementerian sedar kenaikan harga-harga barang di kawasan pedalaman (barang kawalan) disebabkan pengedar telah mengenakan kos tambang yang begitu tinggi kepada penjual peniaga-peniaga tempatan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak tepat untuk menyatakan bahawa kos tambang yang tinggi sahaja yang menyebabkan kenaikan harga barangan di kawasan pedalaman. Wujud faktor lain yang boleh juga mempengaruhi harga barang di pedalaman, diantaranya:

- (i) harga belian yang tinggi akan juga mempengaruhi harga jualan runcit barangan tersebut;
- (ii) kuantiti jualan oleh peniaga-peniaga di kawasan pedalaman adalah kecil, oleh itu pembelian tidak dapat dilakukan terus daripada pengedar atau pemborong kerana kuantiti pembelian yang kecil dengan ini pihak pembeli tidak mendapat tawaran harga yang baik;
- (iii) penghantaran bekalan di kawasan pedalaman mengambil masa yang lama. Kerosakan barang yang berlaku terutamanya barangan mudah rosak akan menyebabkan kenaikan harga jualan runcit barangan tersebut; dan
- (iv) pembekal kurang minat untuk membekalkan barangan di kawasan pedalaman kerana kuantiti jualan yang kecil dan sukar untuk berurusan. Dengan ini persaingan yang sihat

tidak wujud.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, negara kita mengamalkan sistem ekonomi bebas, dengan itu penetapan harga barangan adalah dipengaruhi oleh market forces, dengan izin. Walau bagaimanapun, kementerian ini sentiasa berusaha untuk menentukan bekalan barangan jualan mencukupi dan harganya berpatutan melalui pemeriksaan fizikal dan pengawasan yang dijalankan di seluruh negara.

**Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit:** Dalam usaha kementerian bagi menjalankan pemeriksaan dan juga pengawasan terhadap premis-premis perniagaan di seluruh negara ini, saya ingin tahu apakah kesalahan-kesalahan yang banyak sekali dilakukan oleh peniaga-peniaga? Terima kasih.

**Tuan Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, sejak awal Januari tahun ini hingga 17hb. November, 1995, penguatkuasa kementerian saya telah menjalankan pemeriksaan terhadap 376,066 premis urus niaga di kawasan bandar dan kawasan pedalaman di seluruh negara.

Kementerian mendapati bahawa kesalahan-kesalahan yang banyak sekali dilakukan oleh peniaga-peniaga adalah seperti yang melanggar Akta Timbang dan Sukat iaitu sebanyak 2,190 kes dan yang melanggar Akta Kawalan Harga adalah sebanyak 1,777 kes dan yang melanggar Akta Perihal Dagangan adalah 579 kes.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adalah benar yang kita mengamalkan sistem ekonomi yang bebas, tetapi pada umumnya masalah kenaikan harga yang tidak membayangi kuasa pasaran adalah

disebabkan oleh ketidaksempurnaan pasaran itu sendiri, yang boleh diakibatkan daripada kekurangan persaingan, pengedaran maklumat yang tidak lengkap dan sistem distribution yang kurang baik.

Jadi, selain daripada penguatkuasaan dari segi regulation, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian ini untuk mencapai kecekapan pasaran yang lebih baik sebagai satu mekanisme untuk mengawal harga daripada semata-mata mengenakan kawalan harga?

**Tuan Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, di samping pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang, kementerian saya selalu menjalankan program-program atau aktiviti-aktiviti seperti seminar untuk menasihatkan peniaga-peniaga menjalankan perniagaan lebih beretika dan pengguna-pengguna dinasihatkan untuk merancang sebelum berbelanja dan juga kajian-kajian juga dibuat supaya tindakan-tindakan perlu diambil dan kita akan menjalankan operasi budget pada tahun depan untuk menentukan harga-harga barangan yang boleh stabil dan peniaga-peniaga akan menjualkan harga barangan yang berpatutan.

#### **PERUBAHAN IKLIM/CUACA - LANGKAH KAWALAN**

14. **Tuan Md. Isa bin Sabu** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah awal yang telah diambil bagi mengesan kemungkinan berlakunya perubahan iklim dan pola cuaca akibat perubahan alam sekeliling agar kesejahteraan sosial dan ekonomi negara ini tidak terjejas.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memang sedar dengan kesan-kesan negatif yang timbul akibat daripada

pelbagai projek perumahan yang telah dan sedang dilaksanakan. Sesuatu projek perumahan yang berskala besar boleh mengakibatkan perubahan iklim tempatan ataupun perubahan iklim persekitaran mikro.

Perubahan ini berlaku disebabkan perubahan sifat-sifat permukaan semula jadi tanah dengan terbinanya jalan-jalan raya dan bangunan-bangunan konkrit. Di antara kesan yang nyata ialah peningkatan suhu disebabkan penyerapan haba suria oleh struktur-struktur konkrit serta pengeluaran haba yang berleluasa daripada aktiviti-aktiviti manusia.

Dalam menangani isu perubahan iklim ini, pemantauan unsur-unsur kajicuaca seperti suhu dan hujan adalah penting. Untuk mengetahui perubahan iklim dengan lebih mendalam disekeliling bandar, pemantauan yang lebih padat telah dijalankan di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Rangkaian pemantauan ini sedang dipertingkatkan lagi dengan pemasangan alat-alat pemantauan automatik di 38 buah tapak di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor. Selain daripada mendapat tahu dengan serta-merta keadaan cuaca di tapak-tapak berkenaan, data yang terkumpul boleh membantu kerajaan membuat kajian terhadap perubahan iklim jang masa panjang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan dan agensi-agensinya termasuklah pihak swasta serta pemaju-pemaju perumahan telah dan sedang berusaha menanam pokok-pokok di persekitaran masing-masing untuk



mengurangkan penyerapan haba suria dari struktur-sturktur konkrit berkenaan. Pokok-pokok ini juga dapat memulihkan tanah dan membantu mengurangkan pengaliran air permukaan (surface run-off), dengna izin, menghindar kejadian banjir kilar di samping dapat menyerap unsur-unsur pencemaran udara. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada soalan abang saya tadi.

**Seorang Ahli:** Abang, emak lain. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, pembinaan kondominium dan rumah-rumah mewah begitu ketara sekali berlaku di sekitar Genting Highlands dan juga di Cameron Highlands. Dalam Parlimen ini, kerajaan berkali-kali menegaskan bahawa kerajaan akan mengawal pembinaan itu, tetapi pembinaan itu nampaknya diteruskan. Apakah kerajaan tidak berjaya mengawal pembinaan rumah-rumah seperti itu, hutan-hutan ditebang dengan sesuka hati yang menyebabkan suhu di Cameron Highlands sudah naik 4 darjah celcius? Apakah langkah kerajaan untuk menegaskan sekali lagi supaya hutan-hutan dan penebangan hutan itu dijaga supaya keadaan cuaca tidak berubah begitu cepat di kawasan-kawasan yang agak sejuk di Malaysia?

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, adik saya bertanya, sesuai dengan Firman, "Innamal mukminuna ikhwah", "Sesungguhnya orang mukmin itu bersaudara". Terima kasih.

Sebenarnya, kawalan telah dibuat oleh pihak kerajaan dan pihak authority-authority dan itulah sebabnya, projek yang begitu besar, mega projek di Genting Highlands ditangguhkan dahulu sebelum dibuat kajian yang terperinci.

Pembangunan-pembangunan yang sedang berjalan ini, mungkin ianya telah diluluskan sebelum ini, selepas dibuat kajian yang begitu terperinci bagi yang kecil-kecil.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Antara benda yang boleh mempengaruhi perubahan iklim ialah kualiti udara itu sendiri. Mengikut piawaian kementerian sendiri, adakah pihak kementerian berpuas hati dengan kualiti udara di bandar-bandar utama di Malaysia, di Kuala Lumpur, di George Town, di Johor Bahru, di Ipoh dan sebagainya?

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, kita manusia ini memang tidak puas hati, itulah langkah-langkah diambil oleh kerajaan dengan memberi nasihat-nasihat kepada semua orang - menanam pokok-pokok, menjaga kebersihan, jangan membuat sesuka hati terhadap bukit-bukau, tanah-tanah yang tinggi - macam-macam dilakukan - pengaliran air mesti dijaga. Buat setakat ini, Alhamdulillah, ianya terkawal.

### **RUMAH MURAH TIGA BILIK - JUMLAH PEMBINAAN**

15. **Tuan Zainal Abidin bin Osman** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada rancangan kerajaan untuk menyediakan rumah kos murah dengan tiga bilik telah dilaksanakan. Jika ia, sudah dimulakan, sila nyatakan bilangannya mengikut negeri.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah

melaksanakan pembinaan rumah kos rendah yang mempunyai tiga bilik. Sehingga ini sejumlah 24,330 unit rumah telah dibina oleh kerajaan-kerajaan negeri dan agensi-agensi kerajaan di seluruh negara.

Memandangkan pecahan unit mengikut angka-angka yang diperolehi oleh negeri-negeri masing-masing adalah banyak, saya minta izin dari Tuan Yang di-Pertua, untuk membekalkan dengan secara bertulis. Kalau kita baca, agak lama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Kota Melaka.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada rumah kos rendah tiga bilik ini harganya akan dikekalkan pada tahap RM25,000 kerana apa yang berlaku di Melaka ialah kalau ia dibina di kawasan bandar, ia akan dinaikkan kepada harga lebih daripada RM30,000. Adakah pihak kementerian akan memastikan bahawa semua rumah kos rendah, sungguhpun 3 bilik akan kekal pada tahap RM25,000 dan kalau tidak akur, tindakan akan diambil oleh pihak kerajaan.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya memang harga RM25,000 ini dikekalkan bagi skim rumah kos rendah ini.

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Satu alasan yang sering digunakan oleh pemaju ialah kos tanah telah meningkat dan oleh kerana itu pemaju itu tidak boleh melaksanakan pembinaan rumah kos rendah. Jadi, soalan saya sama ada alasan ini benar dan apa pendirian kementerian Yang Berhormat dan apakah langkah akan diambil jikalau alasan itu

tidak patut dan apakah cara untuk menggalakkan pembinaan lebih banyak rumah kos rendah?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, memang betul, dari segi kos tanah kita boleh memerhatikan di bandar-bandar besar atau di Bandaraya Kuala Lumpur seumpamanya, kos tanah memang tinggi. Maka, dengan sebab itu untuk membina rumah kos rendah di Kuala Lumpur ini, ia adalah rumit sedikit untuk pihak pemaju. Oleh sebab itu kita menggalakan mereka membina rumah pangsa di bandar-bandar besar dan di bandar yang lain di mana kos tanahnya tidak begitu tinggi, maka mereka bolehlah menggunakan cara cross subsidi untuk membiayai kos pembinaan rumah murah ini supaya rumah kos rendah boleh dibina dan dijual dalam lingkungan RM25,000 seperti yang kita telah tetapkan.

#### **GURU MENGHUKUM MURID - PEMBERIAN KUASA**

**16. Tuan Hamzah bin Ramli** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah kementerian bercadang untuk memberi kuasa yang lebih kepada guru-guru dan bukan kepada guru besar/pengetua sahaja untuk menghukum murid-murid sekolah seperti merotan dan mendenda sebagaimana yang pernah diamalkan dahulu dalam usaha untuk membendung gejala sosial dan disiplin yang makin berleluasa di hadapi oleh murid-murid sekolah sekarang ini.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk memberi kuasa yang lebih kepada guru-guru untuk menghukum murid-murid sekolah dan mendenda dalam usaha untuk membendung gejala sosial dan disiplin. Kementerian Pendidikan berpendapat, garis panduan yang sedia ada sekarang dapat menangani masalah disiplin dalam

semua sekolah.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Pendidikan. Dalam usaha mendisiplinkan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah, baik sekolah rendah mahupun sekolah menengah, maka guru adalah bertanggungjawab. Setakat hari ini saya ingin tahu adakah kes-kes yang dikesan oleh kementerian bagi disiplin yang boleh dipertikaikan di kalangan guru-guru bersama guru, guru dengan murid-murid, murid-murid dengan murid-murid, terutamanya kes berdua-duaan di dalam sekolah dan juga di kawasan perumahan sekolah.

Adakah kementerian, setakat hari ini mengesan kes-kes yang sedemikian, dan adakah ianya dirujuk juga kepada Jabatan Agama Islam Negeri?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan berpendapat bahawa untuk mengesan soal-soal disiplin di kalangan pelajar-pelajar, bukan sahaja pihak sekolah yang bertanggungjawab, kita juga perlu kerjasama, bantuan dan sokongan dari pihak ibu bapa kerana peranan kedua-dua pihak adalah lebih berkesan dalam tujuan kita menjamin bahawa soal disiplin di sekolah dapat dikawal dan diatasi.

Berkaitan dengan soalan sama ada kes-kes tertentu perlu dirujuk kepada pihak-pihak yang lebih bertanggungjawab, dalam hal ini pihak sekolah selalunya sedia bekerjasama dengan lain-lain pihak, khususnya jika ia ada berhubungan dengan soal-soal tanggungjawab yang lebih tinggi dari pihak sekolah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3,7,9, dan 17 hingga 26 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]*

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT****RANG UNDANG-UNDANG PENDIDIKAN 1995****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendidikan dan bagi perkara yang berkaitan dengannya; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pendidikan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1996****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 1996**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 1996 dan Anggaran Pembangunan 1996 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” *[Hari Ketiga Belas]*

**Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.**

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Maksud B.47 [Jadual] -  
Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan, 1996] -**

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Setiausaha  
Parlimen diminta menyambung jawapannya.

**3.37 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]:** Tuan Pengerusi, izinkan saya menyambung jawapan dan memberi penjelasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan semalam.

Yang Berhormat dari Jelebu menyentuh tentang penguatkuasaan JPJ termasuk Pegawai JPJ mempunyai kuasa menangkap dan menggelidih seperti pegawai polis trafik, komputer lap-top yang disediakan dalam kenderaan JPJ dan juga beberapa perkara mengenai MKJR.

Tuan Pengerusi, Kementerian Pengangkutan berpuas hati dengan kerjasama yang diberikan oleh pihak polis dan kementerian tidak bercadang untuk memohon supaya kuasa-kuasa ini diberikan kepada pegawai-pegawai JPJ. Walau bagaimanapun, Pegawai Penguatkuasa JPJ hanya mempunyai kuasa di bawah Akta Jalan Raya sendiri dan peranan ini adalah juga dikatakan complementary, dengan izin, dengan kuasa-kuasa yang dijalankan oleh pihak polis.

Mengenai alat lap-top yang dibekalkan kepada pasukan Penguatkuasa JPJ pula, ingin saya memaklumkan pada masa ini terdapat sebanyak 107 unit alat berkenaan di JPJ dan semuanya digunakan secara mobile untuk kegunaan pejabat dan juga diguna oleh kenderaan JPJ.



Berhubung dengan alat perangkap had laju, Kementerian Pengangkutan buat masa ini tidak bercadang untuk mengadakan alat perangkap had laju di kenderaan-kenderaan kerana tidak mahu terlalu banyak agensi yang mengawal selia bagi sesuatu undang-undang yang sama yang mungkin juga akan menimbulkan pertindihan fungsi dan akan dipertikaikan oleh orang awam.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara-perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Jelebu iaitu berhubung dengan keselamatan jalan raya, ingin saya memaklumkan bahawa kerajaan memang berhasrat untuk menubuhkan kelab MKJR di seluruh negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kelab ini telah ditubuhkan di negeri Kedah Darulaman.

Berhubung dengan peruntukan yang diberikan kepada MKJR pula, adalah menjadi tanggungjawab mereka membelanjakan wang tersebut untuk perkara-perkara yang dirancang oleh MKJR negeri.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Jelebu bangun.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tunggu saya habis, sedikit lagi. Mengenai cadangan Yang Berhormat dari Jelebu supaya MKJR dipindahkan ke JPJ, kementerian mendapati tidak perlu buat masa ini. Sebab pada masa ini terdapat pegawai-pegawai JPJ juga terlibat dengan aktiviti MKJR dan untuk makluman lanjut, Yang Berhormat, peranan utama MKJR hanya adalah sebagai penasihat sahaja.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian. Walaupun tidak adanya perancangan kementerian, khasnya JPJ untuk memberikan kuasa kepada pegawai-pegawai penguatkuasa JPJ, sebagaimana yang ada pada Polis Trafik dan sebagainya, adakah juga kementerian bercadang untuk membekalkan senjata api kepada setiap ketua kumpulan unit peronda yang meronda di lebu-lebu raya ataupun di kawasan-kawasan penguatkuasaan?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, mengenai cadangan ataupun soalan Yang Berhormat dari Jelebu mengenai senjata api, memang perkara ini telah dibangkitkan di mesyuarat beberapa kali di Kementerian Pengangkutan dan buat masa ini, JPJ sedang mengadakan kajian sama ada perlu atau tidak supaya penguatkuasa JPJ pada masa rondaan diberikan senjata api.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kangar menyentuh tentang projek pembangunan Pelabuhan Kuala Perlis, pembinaan Stesen Kereta Api, Padang Besar dan juga perancangan jangka panjang bagi menjayakan konsep IMPGT dan meminta supaya dibina lebu raya dari Satun, Thailand ke Kuala Perlis.

Tuan Pengerusi, kerja-kerja pengorekan di Jeti Kuala Perlis juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan ingin saya memberi tahu iaitu kerja-kerja pengorekan memang sentiasa dijalankan di Jeti Kuala Perlis untuk memastikan kedalaman air bagi memudahkan pergerakan feri yang berulang alik ke Pulau Langkawi. Malahan sebuah kapal korek milik Jabatan Laut ditempatkan sepenuh

masa untuk menjalankan kerja-kerja pengorekan di Kuala Kedah dan juga di Kuala Perlis.

Bagi stesen kereta api baru di Padang Besar iaitu yang mana ianya telah siap dan beroperasi pada bulan Ogos 1995, stesen ini adalah merupakan stesen bersepadu di mana perkhidmatan imigresen dan kastam dibuat setempat. Di samping itu, dari segi perkhidmatan pengangkutan barangan (freight), dengan izin, KTMB, Penang Port Sdn. Bhd. serta The Thai Private Sector, dengan izin, mempunyai perancangan untuk membangunkan ICD di Padang Besar secara usahasama ataupun joint-venture, dengan izin. Perbincangan ke arah ini sedang dilaksanakan oleh semua pihak.

Berhubung dengan pembinaan lebuhraya, perkara ini adalah di bawah kawalan Kementerian Kerja Raya tetapi walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan akan berhubung dan selaras dengan kementerian berkenaan supaya perkara ini dapat diambil perhatian.

Yang Berhormat dari Segambut membangkitkan perkara levi ke atas lori yang menggunakan Tambak Johor tidak perlu dikenakan jika kecakapan pelabuhan-pelabuhan Malaysia ditingkatkan. Yang Berhormat dari Segambut juga turut membangkitkan perkara menggalakkan penerbangan sewa khas, tambang domestik terlalu mahal dan juga cadangan supaya penerbangan domestik dijalankan oleh syarikat-syarikat penerbangan tempatan yang lain.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan perkara ini semua, ingin saya

memaklumkan bahawa kerajaan sememangnya menggalakkan penerbangan sewa khas ke destinasi-destinasi di Malaysia seperti Langkawi dan Pulau Pinang. Kerajaan mengamalkan dasar open-sky bagi penerbangan-penerbangan sewa khas bercorak inclusive tour-chartered, dengan izin, seMalaysia dan juga dasar liberal bagi penerbangan sewa khas yang lain.

Berhubung dengan perkara tambang domestik juga, ingin saya maklumkan bahawa kerajaan mengawal dengan rapi tambang-tambang domestik bagi menentukan ianya adalah pada tahap yang mampu digunakan oleh rakyat jelata.

Untuk makluman Yang Berhormat, trafik domestik telah meningkat dengan pesat dalam tahun-tahun kebelakangan ini dan kerajaan pula menentukan bahawa perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan domestik yang mencukupi disediakan untuk menampung perkhidmatan yang kian meningkat. Kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa pada masa sekarang, adalah perlu bagi penerbangan domestik terus dijalankan oleh MAS dan dari segi kemampuan, jumlah pesawat, kos operasi dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, kerajaan telah membelanjakan berjuta ringgit untuk membina pelabuhan di Malaysia dan adalah sepatutnya barang eksport dan import dikendalikan melalui pelabuhan Malaysia sendiri. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah mencapai hasratnya dan antara lain ialah membesarkan kemudahan yang sedia ada seperti membina Pelabuhan Barat di Pelabuhan Kelang,

menambahkan kapasiti di Pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Johor, membeli lebih banyak alat-alat pengendalian, melancarkan EDI yang memudahkan proses dan prosedur kastam dan pelepasan kargo dan juga mengadakan hubungan jalan dan rel tambahan ke pelabuhan.

Yang Berhormat dari Kinabalu menyentuh tentang lesen kereta/motor, road-tax, dengan izin, kenderaan 4-wheel drive atau pacuan 4-roda dan jalan raya yang mengalami tanah runtuh serta papan tanda mengenai had laju seperti Jalan Sandakan di Kota Kinabalu. Beliau juga membangkitkan perkara berhubung kemalangan pesawat F-50 di Tawau iaitu Fokker dan kemalangan helikopter baru-baru ini serta hubungan udara bagi kawasan pembangunan di RGA.

Tuan Pengerusi, ingin saya memaklumkan bahawa kenaikan lesen kereta/motor atau cukai jalan yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini hanya untuk kereta saloon berkuasa kuda 2000 c.c. ke atas. Dalam hubungan ini, kenderaan pacuan 4-roda tidak terlibat dengan kenaikan cukai jalan.

Berhubung perkara jalan raya yang mengalami tanah runtuh dan papan tanda, perkara ini akan dimaklumkan kepada Kementerian Kerja Raya dan Kerajaan Tempatan kerana ianya adalah di bawah bidang kuasa pihak kerajaan.

Tuan Pengerusi, negara-negara dalam kawasan EAGA, mengenai pembangunan adalah ingin saya memberitahu bahawa buat masa ini kerajaan kita termasuk kerajaan-kerajaan dari negara jiran sedang berusaha supaya kawasan ini dibangunkan dengan begitu pesat. Mengenai kemalangan udara, ingin saya memaklumkan bahawa sistem pengangkutan udara dari segi.....

**Tuan Henrynus Amin:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Kinabalu

bangun.

**Tuan Henrynus Amin:** Tuan Pengerusi, saya hanya ingin terangkan sedikit bahawa saya telah bangkitkan dalam perbahasan malam semalam adalah keperluan pelabuhan untuk mengendalikan perdagangan dalam kawasan EAGA. Jadi, saya telah bangkitkan bahawa kita tidak nampak ada peruntukan untuk Sandakan dan Tawau sedangkan kedua-dua tempat ini adalah di dalam kawasan strategic position within the trade route dalam EAGA. Jadi, kita minta supaya ada immediate improvement in terms of facilities, port and harbour facilities di kedua-dua kawasan ini supaya dapat membantu kawasan EAGA.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, saya harap Yang Berhormat dapat bersabar sedikit sebab jawapan seterusnya akan menyentuh tentang apa yang dibangkitkan semalam.

Mengenai kemalangan udara, ingin saya memaklumkan bahawa sistem pengangkutan udara dari segi kemudahan-kemudahan yang disediakan adalah selamat.

Pada ketika ini, siasatan bagi kedua-dua kemalangan masih berjalan. Sekiranya penyiasatan menunjukkan kelemahan-kelemahan tertentu dalam sistem pengangkutan, tindakan segera akan diambil untuk memperbaikinya. Kerajaan hanya dapat mengambil tindakan konkrit setelah hasil siasatan diperolehi.

Ingin saya menegaskan bahawa apabila sesuatu kemalangan berlaku, bukan dikatakan kerajaan cuai. Kemalangan berlaku disebabkan oleh berbagai punca. Pada ketika ini, adalah tidak bermaksud bagi mana-mana pihak untuk membuat spekulasi terhadap punca-punca kemalangan berkenaan dan membuat andaian bahawa sistem lapangan terbang adalah tidak selamat.

Mengenai EAGA....

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Mengenai Lapangan Terbang Tawau, Kementerian Pengangkutan ada mengumumkan untuk mengadakan lapangan terbang yang baru untuk Tawau dan Bintulu. Bolehkah kita tahu tarikh tetap bila kedua-dua airport yang baru ini akan disiapkan dan kenapa kerajaan mengambil masa yang begitu panjang untuk memberitahu sebab yang sebenarnya yang mengakibatkan kemalangan di Tawau.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Tanjong. Soalan pertama, iaitu mengenai tarikh bila airport atau lapangan terbang baru di Tawau akan siap, ingin saya memberitahu iaitu di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan telah mengadakan perancangan dan saya percaya dalam masa dua tahun ini, projek ini akan dijalankan.

Berkenaan dengan siasatan terhadap kemalangan Fokker 50, ingin saya memberitahu sekali lagi bahawa saya pernah menjawab di Dewan yang mulia ini iaitu kementerian baru menerima segala reports, termasuk laporan dari luar negeri iaitu black box atau kotak hitam yang telah dihantarkan ke England untuk dibuat kajian dan fuse large untuk pesawat yang malang itu telah dihantarkan ke negara Kanada untuk dibuat kajian juga. Saya diberitahu bahawa baru-baru ini laporan teliti telah pun diberikan kepada kementerian dan kementerian sedang mengumpul dan menyelaraskan segala laporan supaya dapat dibentangkan di peringkat Kabinet.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tadi saya ada bertanya mengenai kedudukan

lapangan terbang baru di Bintulu, adakah airport baru di Bintulu itu pun boleh disiapkan dalam masa 2 tahun?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya tidak suka memberi jaminan ialah tarikh sesuatu projek. Sebab saya tahu, jika saya sebutkan di sini bila, kalau betul-betul target itu miss sedikit, sebulan atau dua bulan, saya percaya Yang Berhormat dari Tanjong juga akan mempertikaikan saya lagi di dalam Dewan dengan mengatakan bahawa pada satu ketika saya telah memberi jaminan iaitu tarikh sekian-sekian akan dilaksanakan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Oleh yang demikian, saya percaya, lebih baik perkara ini diserahkan kepada Kementerian Pengangkutan supaya usaha dari pihak kementerian dapat diambil dan jika Yang Berhormat ingin tahu tarikh, saya boleh memberitahu Yang Berhormat dengan cara bertulis jika Yang Berhormat berminat. Tidak kiralah di mana pun - tidak kira. Saya akan menjawab secara bertulis, kalau Yang Berhormat minat.

Mengenai EAGA, makluman yang lebih lanjut ialah negara-negara di dalam kawasan EAGA telah pun menandatangani suatu Memorandum Persefahaman pada awal tahun 1995 untuk membangunkan perkhidmatan udara dalam kawasan EAGA. Memorandum ini adalah bercorak liberal dan bertujuan membuka laluan baru dalam kawasan EAGA bagi tujuan meningkatkan lagi perdagangan, pelaburan dan pelancongan dalam kawasan berkenaan.



Yang Berhormat dari Kinabalu juga membangkitkan mengenai kos pengangkutan laut yang tinggi di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak adalah bertentangan dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan integrasi nasional dan kos pengangkutan laut adalah di antara faktor yang mengakibatkan tingginya harga barang-barang di Sabah dan Sarawak. Perkara yang sama turut dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bandau.

Tuan Pengerusi, perkhidmatan pengangkutan kargo melalui laut disediakan oleh pihak swasta iaitu syarikat-syarikat perkapalan pesisiran, termasuk MISC. Tambang kapal pesisiran ditentukan oleh tawaran dan permintaan. Sebenarnya tambang pengangkutan telah menurun semenjak 3 atau 4 tahun yang lalu disebabkan oleh persaingan yang kuat di kalangan syarikat-syarikat perkapalan pesisiran, manakala tahap perkhidmatan yang diberikan oleh pengangkut-pengangkut adalah jauh lebih kerap dan cekap.

Penurunan tambang kapal ini juga adalah disebabkan oleh keadaan di mana kapal-kapal pesisiran memperolehi lebih banyak kargo dari Sabah dan Sarawak bagi pelayaran balik ataupun dengan izin, the return lake ke Semenanjung. Berbanding dengan keadaan beberapa tahun yang lalu di mana kapal-kapal yang pulang ke Semenanjung Malaysia dimuatkan dengan sedikit sahaja kargo ataupun kadang-kadang tanpa apa-apa muatan.

Yang Berhormat dari Senai membangkitkan sistem perkhidmatan komuter yang perlu diperluaskan, bukan sahaja ke Lembah Kelang, tetapi juga dari Kulai ke

Johor Bahru dan Lapangan Terbang Senai dijadikan sebagai lapangan terbang yang penting.

Tuan Pengerusi, saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini iaitu kerajaan telah meluluskan pelaksanaan projek landasan berkembar, elektrifikasi dan perkhidmatan tren komuter di wilayah selatan iaitu dari Kulai, Johor ke Tanjung Pagar, Singapura dengan landasan cawangan spur line, dengan izin, ke Lapangan Terbang Senai.

Projek ini melibatkan pembangunan infrastruktur meliputi landasan sepanjang 66 kilometer, iaitu dari Kulai ke Tanjung Pagar dan landasan cawangan 6 kilometer iaitu dari Senai ke Lapangan Terbang Senai beserta dengan kelengkapan yang lain. Projek ini perlu disiapkan menjelang tahun 1988 dan peruntukan sejumlah RM589 juta telah pun diluluskan.

KTMB memerlukan 21 set EMU untuk memberi perkhidmatan bagi keseluruhan sektor ini dengan masa perjalanan dan ia adalah seperti berikut:

Johor Bahru ke Woodlands	- 3 minit;
Johor Bahru ke Lapangan Terbang Senai	- 20 minit;
Johor Bahru ke Kulai	- 30 minit; dan
Johor Bahru ke Tanjung Pagar	- 30 minit.

Di dalam Rancangan Malaysia Keenam, peruntukan kewangan melebihi RM30 juta telah pun disediakan untuk menurap semula landasan terbang dan membesarkan tapak letak pesawat. Kedua-dua komponen kerja ini telahpun siap

dilaksanakan. Bagi bangunan terminal, kini reka bentuk terperinci untuk mempertingkatkan lagi sedang berjalan dan projek ini melibatkan sebanyak RM45 juta dan adalah dijadualkan bermula pada tahun 1996. Kerja-kerja ini melibatkan pemasangan beberapa buah aerobridges, dengan izin, di bangunan terminal Lapangan Terbang Senai. Dengan itu, lapangan terbang berkenaan akan mempunyai keupayaan kapasiti untuk menampung keperluan trafik sehingga tahun 2000.

Selain daripada itu, MAB juga mempunyai rancangan untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan pengendalian kargo di lapangan terbang berkenaan. Di samping itu, perbincangan sedang diadakan terhadap cadangan menghubungi Lapangan Terbang Senai dengan pengangkutan rel dari bandar Johor Bahru.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Bandau mencadangkan supaya MISC menyediakan perkhidmatan perkapalan ke Sabah dan Sarawak. Beliau juga meminta supaya pengawasan ke atas lori-lori yang membawa muatan berlebihan, terutama lori-lori yang mengangkut balak dipertingkatkan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, MISC memang ada menyediakan perkhidmatan pengangkutan kargo dalam kontena dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak semenjak ia ditubuhkan untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik. Pihak MISC kini menyediakan perkhidmatan liner bersama-sama dengan dua buah lagi syarikat perkapalan tempatan dan perkhidmatan itu dikenali sebagai Perdana Service, dengan izin.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya ingin bertanya tentang penggunaan black box data diskette. Saya difahamkan bahawa kotak hitam ini telah pun dikuatkuasakan penggunaannya kepada jabatan-jabatan kerajaan yang memiliki lori-lori.

Jadi, kerana kadar kemalangan di negara kita sekarang ini begitu tinggi dan mungkin dengan bantuan black box data diskette ini, dengan izin, kemungkinan punca-punca kemalangan akan dapat diketahui dan di samping itu akan dapat mendisiplinkan pemandu-pemandu kenderaan-kenderaan berat. Jadi, saya ingin bertanya, syarikat manakah yang telah bernasib baik mendapatkan kontrak pemasangan black box data diskette ini di kalangan lori-lori kepunyaan jabatan kerajaan.

Satu lagi, adakah kementerian bercadang untuk mewajibkan semua lori-lori berat dan juga kenderaan-kenderaan KPA, bas ekspres dan bas pesiaran dilengkapi dengan kotak hitam ini bagi menjamin keselamatan penumpang-penumpang dan juga muatan yang dibawa dari masa ke semasa?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Jelebu memang benar, iaitu berkenaan dengan kotak hitam dipasangkan di dalam kenderaan-kenderaan ataupun lori-lori yang dimiliki oleh pihak kerajaan. Tetapi ingin saya memberitahu Yang Berhormat iaitu buat masa ini, pemasangan kotak hitam (black box) di kenderaan-kenderaan berat, khususnya

lori-lori sedang dalam peringkat percubaan iaitu buat masa ini kita telah mula untuk segala kenderaan berat milik kerajaan dipasang dahulu.

Dari segi syarikat yang mendapat kontrak itu, saya minta maaf, saya tidak ada butir. Tetapi walau bagaimanapun, jika Yang Berhormat berminat, saya akan memberi secara bertulis. Saya percaya tidak ada apa-apa langkah dapat dijalankan jika tempoh percubaan di kenderaan yang dimiliki kerajaan masih belum berjalan dengan lancar dan cadangan ini akan diambil perhatian juga oleh Kementerian Pengangkutan.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan penguatkuasaan ke atas lori-lori yang membawa muatan berlebihan, ingin saya memaklumkan bahawa kerajaan sememangnya mengambil dan mempergiatkan lagi tindakan ke atas lori-lori yang membawa muatan berlebihan. Di Sabah sahaja, sepanjang bulan Januari hingga Oktober tahun ini, sebanyak 2,937 tan muatan berlebihan telah diambil tindakan dan terdapat lima stesen titi timbang iaitu di Telupok, Kudat, Kimanis, Papas, Simpangan, Sandakan, Sagama, Lahad Datu, Silong Tawau khususnya untuk menguatkuasakan peruntukan berhubung dengan lebih muatan.

Yang Berhormat dari Bandau, Kinabalu dan Bukit Mas membangkitkan tambang-tambang di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak terlalu tinggi dan tidak membantu usaha-usaha memupuk integrasi nasional. Di samping itu, mereka menyatakan bahawa penerbangan-penerbangan tidak mencukupi semasa musim tertentu. Tuan Pengerusi, kerajaan sememangnya memberi perhatian berat

terhadap kadar-kadar tambang termasuk di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Pada masa sekarang, tambang-tambang domestik secara purata adalah di antara yang terendah sekali di rantau ini iaitu 50 sen sebatu nautika ataupun 50 cents per nautical mile, dengan izin.

Selain daripada itu, MAS menawarkan berbagai jenis tambang-tambang promosi ataupun diskaun yang menawarkan potongan sehingga 50% yang boleh digunakan oleh rakyat jelata untuk membuat perjalanan di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Yang Berhormat harus mengambil maklum bahawa dalam penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan, adalah perlu bagi syarikat penerbangan untuk bukan sahaja menampung kos operasi tetapi juga mendapat ulasan pulangan yang munasabah bukan semata-mata untuk tujuan keuntungan tetapi untuk menentukan perkhidmatan penerbangan ini terus dijalankan. Adalah menjadi amalan MAS untuk menyediakan penerbangan tambahan semasa musim cuti sekolah untuk menampung permintaan yang bertambah semasa musim cuti tersebut.

Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan persoalan berhubung dengan pencemaran di laut, masalah penguatkuasaan yang berkesan, aspek EIA dan buffer zone dan juga Kuala Lumpur International Airport (KLIA). Tuan Pengerusi, Kementerian Pengangkutan sememangnya mengambil berat dan sedar tentang masalah pencemaran yang berlaku di laut terutama sekali yang berlaku di kapal. Untuk ini, Kementerian Pengangkutan telah mengambil beberapa tindakan:

- (i) memperketatkan lagi undang-undang perkapalan bagi mengurangkan pencemaran yang berpunca dari kapal;
- (ii) merektifikasikan konvensyen-konvensyen antarabangsa yang berkaitan dengan pencemaran yang digubal oleh pertubuhan antarabangsa iaitu International Maritime Organisation;
- (iii) pemeriksaan ke atas kapal-kapal yang singgah di pelabuhan di Malaysia untuk memastikan mereka mematuhi undang-undang mengenai pencemaran.

Berhubung dengan masalah penguatkuasaan yang kurang berkesan, ingin saya maklumkan bahawa langkah-langkah yang telah diambil untuk menghadapi masalah berhubung dengan perkara ini. Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan adalah yang pertama, mendapatkan tambahan kakitangan penguatkuasaan; yang kedua, menyenaraihitamkan pengubahsuaian dan pemandu-pemandu kenderaan yang sering melakukan kesalahan (repeat offenders). Tindakan tegas ke atas kakitangan yang menyeleweng dan mengamalkan rasuah serta menghampakan keberkesanan program penguatkuasaan. Penggunaan sistem komputer dan laptop untuk menjayakan program penguatkuasaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tindakan.....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Jelebu bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Pengerusi, saya cuma ingin mendapatkan sedikit penjelasan sahaja lagi daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Ke arah untuk mempertingkatkan lagi disiplin pemandu-pemandu kenderaan dalam usaha kita untuk mencapai sasaran (target) bagi mengurangkan kadar kemalangan maut dan kemalangan di jalan raya ke tahap 30% menjelang tahun 2000, adakah kementerian bercadang selain daripada memberikan kursus dan latihan kepada pemandu-pemandu dan sebagainya; adakah kementerian juga bercadang bagi melengkapkan kenderaan-kenderaan milik pemandu-pemandu ini umpamanya kenderaan-kenderaan persendirian; dilengkapi dengan speed limit indicator, dengan izin, Tuan Pengerusi.

Macam di negara Jepun, kita lihat apabila sesebuah kenderaan itu melalui jalan yang mempunyai had laju 110 km sejam, maka 105 km/h itu sudah ada satu bunyi indicator yang dikeluarkan daripada dalam kereta. Jadi, sekurang-kurangnya sekiranya alat ini dipasang, ianya akan dapat memberikan tumpuan kepada pemandu dan dapat mendisiplinkan mereka. Saya ingin bertanya adakah kementerian bercadang untuk mewajibkan semua kenderaan yang dipasang di dalam negeri ini ataupun yang diimport diwajibkan dipasang dengan alat yang sedemikian?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, mengenai speed limit indicator, dengan izin, saya juga ingin memberitahu iaitu sebelum kerajaan mengadakan sebarang tindakan secara compulsory, dengan izin, maka kajian harus dijalankan



terlebih dahulu dan cadangan mengenai speed limit indicator, saya pernah melihat yang dipasangkan di dalam kereta-kereta di luar negeri dan ini kemungkinan boleh mengurangkan sedikit-sebanyak dari segi kemalangan di seluruh negara. Tetapi walau bagaimanapun, saya percaya cadangan ini patut juga diambil kira dan saya akan bawa perkara ini dalam mesyuarat kementerian supaya pihak JPJ dapat melihat dari sudut yang dikatakan oleh Yang Berhormat.

Berbalik kepada....

**Tuan Yunof Edward Marinking:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Tuan bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Yunof Edward Marinking:** Tuan Pengerusi, mengenai had kelajuan di jalan raya ini dan kemalangan jalan raya bukan berdasarkan kepada kelajuan, tetapi ada juga masalah di mana lane yang seharusnya untuk kereta-kereta yang dipandu laju itu, tetapi terdapat kereta-kereta yang dipandu begitu perlahan sehingga menyulitkan orang ramai menggunakan jalan raya seperti yang sepatutnya digunakan. Jadi, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan peruntukan di dalam undang-undang supaya mereka yang memandu di dalam 'fast lane', dengan izin, dianggap sebagai obstructing, oleh kerana ini adalah menghalang keselesaan orang ramai menggunakan jalan raya sebagaimana yang harus digunakan? Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, mengenai cadangan ataupun

soalan itu, ingin saya memberitahu iaitu buat masa ini kerajaan tidak mempunyai cadangan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kepong, mungkin Yang Berhormat akan diberitahu lebih lanjut mengenai aspek EIA dan juga buffer zone mengenai KLIA.

Mengenai apa yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat dari Kepong, suka saya menyatakan bahawa tanggungjawab terhadap perkara EIA khasnya bagi aspek pencemaran udara dan bunyi bising adalah terletak di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Namun demikian, mendapat penyelarasan yang rapi di antara Kementerian Pengangkutan dan juga Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar terhadap isu-isu pencemaran.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, Kepong bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Chor Chee Heung:** Saya tidak habis lagi.

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak beri jalan lagi, dia kata tidak habis lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Menggangu]*

**Tuan Chor Chee Heung:** Tunggulah saya habiskan jawapan dahulu. Bagi setiap projek lapangan terbang, kajian EIA dijalankan selaras dengan Akta EIA dan syor-syor kajian EIA dilaksanakan di peringkat pembinaan dan peringkat operasi dalam sesuatu lapangan terbang.

Dari segi pencemaran bunyi bising, ingin saya memaklumkan piawaian

antarabangsa adalah dipatuhi kerana piawaian berkenaan diambil kira oleh pembuat pesawat.

Mengenai KLIA pula, satu kajian EIA khas untuk lapangan terbang berkenaan telah pun dijalankan, kajian berkenaan telah mengesyorkan supaya kawasan-kawasan tertentu iaitu kawasan-kawasan sekeliling KLIA dijadikan kawasan terkawal berasaskan kepada pencemaran bunyi bising dan risiko operasi. Syor-syor berkenaan telah pun diterima sebagai asas-asas utama perancangan pembangunan KLIA dan tanah-tanah sekelilingnya.

Cadangan mengadakan buffer zone, dengan izin, sekeliling KLIA sedang dikaji dan dibincang di antara Kementerian Pengangkutan dan Kerajaan Negeri dan juga Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

Satu konsep zon tanah yang menyeluruh akan dilaksanakan bagi tujuan menentukan pembangunan yang seimbang di kawasan KLIA diadakan. Tumpuan akan diberikan kepada kawasan berlepas dan mendarat pesawat, i.e the take off and approach services flight park, dengan izin, bagi setiap landasan yang dirancang dan dibina di KLIA. Dalam hal ini ingin saya menjelaskan bahawa konsep zon tanah bukanlah bertujuan untuk menyekat pembangunan, tetapi semata-mata untuk menentukan bahawa pembangunan sekeliling KLIA adalah teratur dan berasaskan kepada beberapa kriteria teknikal.

Dalam pembangunan KLIA ini, walaupun kita melihat kerja-kerja telah dimula, tetapi ingin saya memaklumkan bahawa segala aspek EIA-KLIA masih

dalam peringkat pelaksanaan, iaitu untuk makluman Yang Berhormat dari Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Ada baik juga Yang Berhormat menerangkan mengenai zon ini dan kajian sedang dijalankan. Saya berharap kajian ini akan memberi laporan yang lengkap supaya pembangunan di sekitarnya termasuk kawasan-kawasan di Selangor dan juga di Negeri Sembilan seperti Nilai, kawasan-kawasan ini sedang membangun dengan pesat. Jadi, adakah Yang Berhormat bercadang supaya semua projek kawasan zon KLIA ini, sebelum projek ini diluluskan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor atau Kerajaan Negeri Sembilan, projek ini dikemukakan dahulu kepada pihak KLIA, supaya kita dapat mengawal semua pembangunan di sekitarnya. Adalah tidak baik kalau kita adakan lapangan terbang yang terbesar di rantau ini dan kemudian pembangunan di sekitarnya menjejaskan operasi KLIA.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat sedar, walaupun Yang Berhormat mengatakan tadi bahawa penyelarasan di antara Kementerian Pengangkutan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Lembaga Pelesenan Kementerian Pembangunan Usahawan adalah baik. Jadi, adakah Yang Berhormat sedar sekarang ada beribu-ribu trippers, lori besar-besar dengan 14 roda ataupun lebih, tiap-tiap hari, walaupun peraturan daripada Kementerian Pengangkutan hanya daripada pukul 8.00 pagi hingga pukul 6.00 petang, tetapi sekarang dia beroperasi dengan lebih awal lagi dan sampai larut

malam - jam 1.00 pagi - 2.00 pagi. Daripada awal pagi waktu subuh lagi sehingga larut malam, itulah trippers berjalan hampir 24 jam dan tiap-tiap hari - 7 hari seminggu untuk membawa pasir dan batu. Inilah masalah yang berjalan sekarang. Saya tidak tahulah sampai bila, mungkin berapa tahun lagi. Apakah peraturan mengenai pelbagai pencemaran, nampaknya Kementerian Pengangkutan tidak mengambil perhatian mengenai hal seperti ini?

**Tuan Chor Chee Heung:** Yang Berhormat dari Kepong, mengenai cadangan pertama, memang telah diadakan di dalam perancangan kerajaan sebab seperti yang dikatakan semua kementerian harus mempunyai suatu sikap collective responsibility. Dari segi hendak mengadakan pembangunan di buffer zone, memang terlebih dahulu Kementerian Pengangkutan, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar khususnya Jabatan-jabatan atau agensi-agensi di bawah Kementerian Pengangkutan seperti DCA, Jabatan Perancang Bandar dan Desa terlibat sebelum sebarang pembangunan diadakan supaya kita dapat pasti dalam kawasan sekeliling dengan KLIA atau di mana-mana lapangan terbang, mempunyai pembangunan yang teratur dan bagi mengelakkan sebarang risiko pencemaran bunyi bising. Ini telah ada dalam rancangan.

Mengenai trippers begitu banyak buat tripper, ingin saya memberitahu iaitu walaupun Yang Berhormat dari Kepong kata Kementerian Pengangkutan tidak mengambil berat, actually on the contrary, dengan izin, Tuan Pengerusi,

Kementerian Pengangkutan sentiasa mengambil berat dalam perkara ini;

dalam negara ini harus mempunyai beberapa buah atau jumlah kenderaan-kenderaan berat dan kerajaan telah mengadakan satu majlis yang dinamakan Majlis Pembangunan Usahawan di mana Kementerian Pengangkutan adalah salah satu kementerian yang menganggotai majlis ini supaya segala masalah mengenai pengangkutan dapat diselaraskan dengan Kementerian Pembangunan Usahawan. Ini adalah peranan utama Majlis Pembangunan Usahawan ini dan semua kementerian yang terlibat akan mengadakan mesyuarat tidak lama lagi, iaitu minggu depan.

Dari segi sumbangan Kementerian Pengangkutan, memang segala masalah akan dibangkitkan dan memang kita berharap supaya melalui majlis ini kita mempunyai satu sistem pengangkutan yang lebih teratur yang mencapai tahap yang membanggakan.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** [*Bangun*]

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Jelebu dahulu.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya katakan Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini tidak baca surat khabar? Dahulu pun dalam Dewan ini saya pernah bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen jumlah titi timbang yang ada di seluruh negara dan berapa syifkah kakitangan JPJ bekerja? Hari ini Yang Berhormat dari Kepong

bertanya pula mengatakan bahawa Kementerian Pengangkutan tidak berkesan dalam tindakan dan menyatakan bahawa penguatkuasa JPJ ini hanya bekerja dari pukul 8.00 pagi hingga 6.00 petang. Jadi, saya ingin Yang Berhormat Kepong ini dia tidak peka kepada perkembangan.

Adakah Yang Berhormat tahu bahawa anggota penguatkuasa JPJ yang saya baru bercakap semalam yang kita minta tambah peruntukan ini, tambah kereta ini, kita minta pistol dan sebagainya adalah untuk melindungi mereka, kerana mereka pada hari ini bekerja dan sejak dua, tiga tahun yang lalu, sejak jambatan timbang dioperasikan di seluruh negara telah memulakan kerja tiga syif satu hari?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Jelebu, cukuplah Yang Berhormat beri ucapan itu.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Saya hendak bertanya sama ada Setiausaha Parlimen bersetuju atau tidak dengan kenyataan saya? Saya ingat Kepong ini janganlah melampau sangat, bacalah sedikit. Jadi, itulah...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Jelebu, cukuplah.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Chor Chee Heung:** Terima kasihlah kepada Yang Berhormat dari Jelebu yang sentiasa begitu prihatin dan sentiasa menggunakan masa lapangnya untuk membaca surat khabar, bukan macam Yang Berhormat dari Kepong. Itu saya bersetuju. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, seperti biasa Jelebu sibuk sangat

dengan titi timbangnya kerana titi timbang ini adalah satu konsep baru dan dia itu asyik dengan masalah tersebut. Tetapi Yang Berhormat Jelebu pun tidak begitu mengerti dengan apa yang saya sebutkan tadi. Saya tekankan di sini, biasanya Kementerian Pengangkutan ada peraturan bagi setiap tripper yang membawa pasir, batu ataupun barang-barang yang lain. Tetapi sekarang beribu-ribu menumpu kepada Putrajaya dan KLIA tetapi tidak ada peraturan. Langsung tidak ada. Sekarang tiap-tiap tripper sudah ada dua atau tiga pemandu. Biasanya, kalau lebih pun dua pemandu sahaja. Sekarang dia bekerja, tiap-tiap tripper sampai 19 atau 20 jam satu hari. Apakah peraturannya? Baru dia hendak adakan suatu Majlis, Tuan Pengerusi. Baru sahaja Majlis Pembangunan Usahawan hendak diadakan, tetapi ini sudah berjalan berbulan-bulan.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, saya percaya Yang Berhormat dari Kepong keliru sedikit. Majlis Pembangunan Usahawan ini bukan semata-mata untuk mengadakan perbincangan atau perancangan macam mana kita hendak saman orang. Mengenai tripper dan kenderaan berat yang melalui mungkin dekat rumah Yang Berhormat yang mengakibatkan dia kurang selesa. Ini adalah mengenai penguatkuasaan.

Memang di dalam sesuatu sistem tidak dapat dinafikan iaitu kita dapat mencapai 100% perfect. Saya mengaku pada hari ini terdapat kadang-kadang kenderaan berat ini mengangkut lebih muatan. Memang saya mengakui dan pihak JPJ sedang berusaha - mungkin dalam 10 kes kita dapat menangkap, menyaman



tetapi dua, tiga kes terlepas. Memang ada. Kenderaan-kenderaan berat yang bergerak pada larut malam ini memang satu aspek pihak JPJ sedang mencari jalan macam mana hendak menyaman.

Sekarang kita sudah tahu banyak kenderaan berat atau tripper ini menggunakan jalan dekat dengan rumah Yang Berhormat Kepong. Saya boleh maklumkan kepada JPJ kemungkinan orang yang terlepas yang menggunakan jalan di situ. Okay! Saya beritahu. Tuan Pengerusi, dia sudah puas hati.

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan, Yang Berhormat.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari kawasan Bukit Mas telah membangkitkan mengenai landasan lapangan terbang luar bandar. Dalam Rancangan Malaysia Keenam peruntukan kewangan telah pun disediakan untuk mempertingkatkan beberapa lagi padang terbang luar bandar di Sarawak. Bagi Rancangan Malaysia Ketujuh peruntukan kewangan yang mencukupi akan terus disediakan bagi memperbaiki dan mempertingkatkan lagi padang terbang luar bandar di Sabah dan Sarawak demi kepentingan penduduk luar bandar tidak diabaikan.

Mengenai Padang Terbang Limbang, ingin saya menyatakan di sini kajian perlu dijalankan bagi mengenal pasti sebuah tapak yang sesuai dibangunkan sebuah padang terbang baru di Limbang bagi menggantikan padang terbang yang sedia ada. Ia adalah oleh kerana tempat asal yang dikenal pasti dan dipersetujui pada awal telah pun ditolak oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

Baru-baru ini oleh sebab perkara ini berbangkit, saya telah pun mengarahkan supaya perkara ini dapat diberikan kepada jabatan berkenaan supaya perhatian dapat diambil. Tetapi pada ketika ini kajian sedang dijalankan bagi mengenal pasti tapak baru yang sesuai dari segi kesesuaian ruang udara dan kesesuaian tanah. Saya harap Yang Berhormat dari Bukit Mas dapat memberi bantuan iaitu apabila beliau balik ke negeri Sarawak, dapat berbincang dengan Kerajaan Negeri Sarawak.

Berkenaan dengan Lapangan Terbang Bintulu baru pula, pada ketika ini kerajaan telah mengadakan kajian kejuruteraan terperinci dan ia sedang berjalan dan akan dijadual siap pada awal tahun 1996. Projek pembinaan Lapangan Terbang Bintulu baru akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Mengenai Lapangan Terbang Miri, Sarawak, ingin saya memberitahu, iaitu Malaysia Airport Bhd. (MAB) adalah dalam proses menyediakan reka bentuk untuk mempertingkatkan Bangunan Terminal Lapangan Terbang Miri. Projek ini dijadualkan, dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh juga.

Mengenai padang terbang di Bakun, Kementerian Pengangkutan baru-baru ini telah menerima cadangan dari pihak swasta untuk membina sebuah padang terbang di kawasan Bakun. Dari segi dasar, kementerian tiada halangan terhadap projek ini yang melibatkan inisiatif serta pelaburan pihak swasta.

Yang Berhormat dari Bukit Mas juga menyentuh tentang penerbangan Transmal. Untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini akan disiasat oleh

kementerian saya.

Yang Berhormat dari Batang Lupar telah membangkitkan perkara-perkara berhubung dengan ura-ura bahawa MAS hendak menaikkan tambang di antara Semenanjung, dan Sabah dan Sarawak. Beliau juga bertanya mengenai perkara hendak menukar tiket dari Group Travel ke first class dan juga menghadapi masalah. Tambah pula senior citizen juga mempunyai masalah dari segi booking, iaitu tujuh hari sebelum penerbangan perlu diadakan. Tuan Pengerusi, ingin saya maklumkan bahawa tidak benar sama sekali bahawa MAS telah mengemukakan permohonan untuk menaikkan tambang di antara Semenanjung, dan Sabah dan Sarawak.

Berhubung dengan aduan Yang Berhormat dari Batang Lupar, iaitu beliau menghadapi sedikit masalah, perkara ini saya akan siasat juga. Cadangan merujuk sistem booking juga dikemukakan untuk kajian MAS. Tambang untuk senior citizen fair, merujuk kepada tambang promosi, tambang-tambang promosi biasanya adalah syarat-syarat tertentu untuk dipatuhi, untuk digunakan kepada penumpang yang dikemukakan kepada pihak pass, iaitu senior citizen, dengan izin, apabila mereka ingin mendapat ataupun membeli tiket tambang dengan secara diskaun, mereka harus mematuhi syarat, iaitu mereka harus mengadakan booking sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum penerbangan dilakukan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kubang Kerian telah membangkitkan beberapa perkara, yang pertama, pembatalan penerbangan MAS pada 31hb.

Oktober tahun ini. Perkara ini hanya diberitahu oleh beliau kepada Dewan yang mulia ini pada hari semalam, dan saya akan mengambil sedikit masa untuk mengadakan siasatan.

Mengenai Lapangan Terbang Kota Bharu, cadangan Yang Berhormat untuk mempertingkatkan lagi lapangan terbang ini, saya akan mengarah supaya kementerian dan MAB mengkaji, dan keputusan terhadap perkara ini akan berasaskan kepada keperluan sebenar serta kapasiti kemudahan-kemudahan utama yang sedia ada.

Mengenai masalah gaji serta skim perkhidmatan Pegawai MAB yang kurang memuaskan, saya akan membincang dengan pihak MAB supaya perkara ini dapat dibangkit dalam perbincangan mereka.

Mengenai penempatan 'private jet,' dengan izin, ataupun dalam negara kita pada masa ini kita dapat melihat banyak syarikat gergasi, cooperation dan juga perseorangan, termasuk individu telah mampu membeli private jet. Yang Berhormat telah bertanya di mana segala private jet ini akan ditempatkan, sebab kita semua dapat melihat begitu ramai orang peniaga begitu kaya belaka. Memang benar bahawa terdapat kesesakan di Lapangan Terbang Subang, khasnya bagi menampung keperluan penerbangan am yang melibatkan pesawat kecil termasuk jet-jet eksekutif kerana kawasan yang ada adalah terhad.

Lapangan Terbang Sungai Besi tidak sesuai dimajukan sebagai pusat operasi penerbangan am kerana masalah struktur bangunan sekelilingnya serta

pengurusan ruang udara masih kurang.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Pengerusi, bolehkah saya tahu berapa private jet ada sekarang di Malaysia kepunyaan syarikat dan kepunyaan individu? Dan berapakah kadar sewaan dikenakan kepada mereka bila mereka parking di Lapangan Terbang Subang, sebab private jet ini sudah tentulah dikenakan bayaran lebih mahal, kerana mereka mampu untuk membayarnya? Itu sahaja.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, jika Yang Berhormat berminat, saya akan beritahu Yang Berhormat secara bertulis, sebab saya tidak mempunyai angka dan juga harga sewa tempat.

Yang Berhormat dari Kubang Kerian juga membangkitkan perkara pengangkutan kanak-kanak ke sekolah. Pengeluaran permit bas-bas sekolah adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Usahawan. Walau bagaimanapun, perkara ini akan dibangkitkan di dalam mesyuarat dengan kementerian berkenaan nanti.

Mengenai cadangan untuk memasukkan bayaran cukai ke dalam harga minyak, perkara ini memerlukan kajian yang mendalam. Ini memandangkan oleh kerana minyak bukan sahaja digunakan untuk kenderaan di atas jalan raya, tetapi juga digunakan oleh jentera-jentera pengangkutan di laut, seperti bot-bot nelayan dan juga jentera-jentera pembajak yang digunakan oleh para petani.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Jelebu bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Bagaimanakah bentuk penguatkuasaan akan dapat dibuat oleh JPJ dengan kenaikan harga tambang bas sekolah sekarang ini daripada RM7.00 kepada RM11.00 tanpa kelulusan pihak kementerian? Kerana susahny mendapat kerjasama daripada pihak pengusaha bas dan juga ibu bapa. Saya juga difahamkan adakah kementerian maklum bahawa bayaran tol pun dikutip daripada murid-murid- sekolah. Jadi, saya rasa ini merupakan satu bebanan kepada murid-murid sekolah, dan bagaimanakah bentuk penguatkuasaan akan dapat dibuat oleh JPJ agaknya?

**Tuan Chor Chee Heung:** Terima kasih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Jelebu, sebenarnya sebelum tiga bulan yang lalu, Persatuan Pengusaha-pengusaha Bas Sekolah telah pun membuat rayuan supaya caj-caj mereka dapat dinaikkan. Kerajaan memang pada masa itu dan pada masa ini sedang mengkaji sama ada rayuan mereka munasabah. Walaupun kerajaan tidak menolak tolak rayuan mereka lagi, tetapi dengar kata ada pula setengah pengusaha-pengusaha bas telah mula mengenakan caj baru kepada budak-budak ataupun anak-anak yang menaiki bas mereka. Memang kementerian sedar bahawa ada setengah pengusaha-pengusaha bas sekolah yang berbuat demikian. Penguatkuasaan oleh pihak kementerian akan dijalankan dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan. Ini telah pun ditetapkan dan dipersetujui.

Memang kerajaan sedang mengkaji sama ada rayuan untuk menaikkan tambang bagi murid-murid sekolah munasabah atau tidak.

Yang Berhormat dari Gelang Patah telah sentuh perkara pelabuhan kedua di Johor. Ingin saya memberitahu iaitu Pelabuhan Tanjung Pelepas merupakan pelabuhan yang kedua, akan siap dan beroperasi pada tahun 1999. Untuk menjaga juga kepentingan tanah penduduk-penduduk, yang mana pelabuhan Tanjung Pelepas akan dibina, Kerajaan Negeri Johor telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk menyelaraskan segala masalah berkaitan dengan masalah penduduk di situ.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kuala Nerus telah membangkitkan perkhidmatan kereta api atau sekurang-kurangnya mengadakan kajian bagi laluan kereta api di negeri Terengganu. Perlu diingatkan bahawa kos bagi mengadakan infrastruktur kereta api adalah tinggi di mana secara perbandingan kos bagi projek landasan berkembar di Lembah Kelang menelan belanja sebanyak RM1.5 bilion. Kerajaan harus berhati-hati supaya pelaburan yang tinggi ini betul-betul berasaskan keperluan dan memberi manfaat kepada pembangunan ekonomi negara.

Bagi negeri Terengganu, kemungkinan kajian bagi projek landasan berkembar dari Padang Besar ke Singapura dan dari Pelabuhan Kelang ke Kuala Lumpur, akan dilaksanakan oleh Syarikat Malaysia Exim Engineering Sdn. Bhd. dan sebuah konsortium Perancis. Hasil kajian ini sedang dinilai oleh pihak Unit Perancang Ekonomi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ada yang bangun Yang Berhormat. Kuala Nerus bangun.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, saya ingat ini lastlah sebab terlalu panjang.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Jerantut, Tuan Pengerusi. Saya hendak tumpang tanya pada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Ada ura-ura yang mengatakan satu kemudahan kereta api laju akan diadakan dari Kuala Lumpur ke Kuantan dan terus ke Kuala Trengganu. Adakah ura-ura ini benar ataupun tidak? Itu sahaja.

**Tuan Chor Chee Heung:** Seperti yang saya katakan Tuan Pengerusi, untuk makluman Yang Berhormat dari Jerantut, memang benar dalam negeri Terengganu ada projek berkembar kereta api iaitu perkhidmatannya adalah dari Kuantan ke Kuala Trengganu dan projek ini adalah sama yang saya sebutkan dan saya harap tidak lama lagi kemungkinan bagi pertama kali semua penduduk di negeri Terengganu dapat menikmati perkhidmatan train atau rail. Yang Berhormat dari kawasan Kuala Nerus....

**Tuan Pengerusi:** Ya, dia bangun pula Yang Berhormat.

**Tuan Chor Chee Heung:** Cukuplah, saya ingat cukuplah, terlalu panjang lagi ni. Bagi ya? Okay last, last.

**Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd Said:** Bila tu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen?

**Tuan Pengerusi:** Ha, itu dia.

**Tuan Chor Chee Heung:** Kalau soal kata bila tu, saya tidak dapat



memberikan satu tarikh yang tepatlah tetapi macam mana pun saya percaya jika perkara ini sudah dalam kajian EPU, kemungkinan perkara ini dapat dilihat hasilnya dalam dua tahunlah saya percaya.

Yang Berhormat dari Kuala Nerus juga menyentuh tentang Lapangan Terbang Kuala Terengganu dan beliau harap supaya ia dipertingkatkan lagi. Mengenai isu ini saya percaya pihak kerajaan dan MAB akan mengkaji permintaan dari segi keperluan penerbangan tambahan dan juga kemudahan-kemudahan fizikal dipertingkatkan sama ada ianya akan diadakan ataupun permintaan akan diberikan, ini bergantung kepada hasil kajian yang akan diadakan oleh kerajaan dan MAB. Walau bagaimanapun, ingin saya tegaskan bahawa keputusan kerajaan memang berasaskan kepada keperluan sebenarnya kerana kini perkhidmatan serta kemudahan infrastruktur adalah dikendalikan secara komersial oleh MAB dan MAS.

Yang Berhormat dari Kuala Nerus juga minta supaya perkongsian kereta dipergiatkan lagi dan dikuatkuasakan. Tuan Pengerusi, pada masa ini kerajaan tidak berhasrat untuk mewajibkan perkongsian kereta. Ini kerana kerajaan ingin menentukan supaya mutu perkhidmatan kenderaan pengangkutan awam baik dan teratur. Oleh itu, kerajaan telah mengambil tindakan menggabungkan syarikat bas-bas berhenti di Bandaraya Kuala Lumpur.

Yang Berhormat dari Kubang Kerian dan juga termasuk Kuala Nerus membangkitkan masalah peningkatan jumlah kenderaan yang mendatangkan

masalah kesesakan lalu lintas di Lembah Klang. Ingin saya menjelaskan di sini iaitu peningkatan jumlah kenderaan di Lembah Klang memang tidak dapat dielakkan disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi dan pertambahan penduduk yang pesat. Walau bagaimanapun, untuk mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di Lembah Klang, kerajaan telah dan sedang dan akan melaksanakan langkah-langkah seperti berikut dan langkah-langkah ini merupakan satu konsep yang datang dari Kementerian Pengangkutan dan langkah-langkah ini adalah seperti:

- (i) memperbaiki sistem pengangkutan bas melalui penggabungan syarikat bas yang baru saya katakan iaitu dengan penyusunan semula laluan dan jadual waktu perjalanan serta menggunakan bas yang lebih baik dan selesa termasuk bas-bas yang mempunyai hawa dingin;
- (ii) memperkenalkan sistem pengangkutan monorel (LRT) dan juga KTM komuter;
- (iii) membina jalan raya di lingkungan tengah di sekitar bandar raya;
- (iv) membina lebih banyak lagi jalan baru;
- (v) mengurangkan tempat letak kereta di tepi jalan dalam pusat bandar, melarang kemasukan kenderaan berat ke kawasan pusat bandar dalam masa kesibukan atau peak hours dan juga membina pusat perdagangan di luar pusat bandar raya; dan
- (vi) memindahkan pusat pentadbiran negara ke Putrajaya.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tuaran mencadangkan supaya Kementerian Pengangkutan mengambil tindakan positif supaya mengadakan kereta api dari Kuching ke Kota Kinabalu. Kos pembinaan kereta api adalah tinggi dan pertimbangan bagi pembangunan juga hendaklah berasas kepada daya maju projek. Secara perbandingan, untuk melaksanakan pembangunan projek-projek Light Rail Transit adalah berasas kepada konsep penswastaan iaitu projek ini ditanggung dan dibiayai oleh pemaju dengan bantuan minimum Kerajaan Persekutuan. Jika Yang Berhormat dari Tuaran dapat mencari sebuah syarikat swasta yang mempunyai minat untuk membina pengangkutan kereta api, memang cadangan dialu-alukan.

Yang Berhormat dari Tuaran juga sentuh tentang Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu. Berasaskan kepada unjuran trafik udara Lapangan Terbang Kota Kinabalu masih mempunyai kapasiti dan keupayaan untuk menampung keperluan trafik udara bagi beberapa tahun yang akan datang. Namun demikian kementerian dan MAB akan terus mengambil perhatian dan supaya Lapangan Terbang Kota Kinabalu dapat mempunyai kecanggihan di rantau ini juga jika dibandingkan dengan lapangan terbang negara lain.

Yang Berhormat dari Tuaran juga menyentuh tentang dasar 'open sky policy', SEAGA Airlines, Lapangan Terbang Baru Tawau, lapangan terbang luar bandar khususnya di Semporna. Ingin saya menjelaskan di sini iaitu kerajaan memang mengamalkan dasar liberal untuk menggalakkan syarikat penerbangan asing mengadakan penerbangan ke Malaysia termasuk ke Sabah dan Sarawak.

Dan Mengenai SEAGA Airlines, Syarikat Penerbangan SEAGA sememangnya ditubuhkan bertujuan untuk complement, dengan izin, operasi penerbangan MAS. Lapangan Terbang Baru Tawau akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Saya ingat tadi saya telah sebut. Reka bentuk terperinci Lapangan Terbang baru ini sedang disediakan oleh sebuah syarikat perunding yang dilantik oleh kerajaan dan reka bentuk ini akan dijadualkan siap pada tahun 1996.

Bagi lapangan terbang luar bandar seperti Semporna, cadangan ini akan dikaji oleh kerajaan secara teliti sebelum apa-apa dapat dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, saya mengakhiri segala jawapan yang saya telah beri dan sekali lagi, Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan ....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Pengerusi, sebelum Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengakhiri ucapannya, saya ingin bertanya untuk penjelasan. Untuk memberikan peluang kepada pemilik-pemilik lesen Kelas 'D' berumur 17 tahun, adakah rancangan kementerian melalui JPJ bagi memberikan peluang kepada pemilik-pemilik lesen Kelas 'D' ini mendapatkan lesen good driving licence (GDL), dengan izin, supaya mereka ini tidak payah menunggu umur 21 tahun, kerana syarat GDL sekarang ini 21 tahun kerana sekurang-kurangnya apabila mereka dapat lesen 'D' itu dan ada Kelas 'D' GDL, dapatlah mereka membawa lori-lori 'D' control ataupun lori-lori kecil bagi tujuan untuk mencari makan.

Tuan Pengerusi, yang keduanya, adakah cadangan kementerian untuk membuka semula, sebagaimana yang terdahulu supaya lesen provisional driving licence (PDL), dengan izin, ataupun lesen 'L' dibuka kepada mereka yang telah cukup syarat, umur - 16 tahun bagi Kelas Motor 'B2' dan 17 tahun bagi Kelas 'D' kereta dan 21 tahun bagi Kelas 'E', kerana apabila mereka ini cukup syarat, boleh membeli ataupun mendapatkan lesen 'L' ini daripada JPJ, tak payahlah mereka ini lulus undang-undang dahulu kerana dalam keadaan sekarang, memang susah calon-calon hendak lulus, terutamanya mereka yang buta huruf.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, adakah Ahli Yang Berhormat maksudkan cadangan itu kita kembali kepada sistem lama iaitu siapa yang cukup umur, berminat untuk mendapatkan lesen PDL bagi kenderaan atau bermotor boleh minta sahajalah tanpa sebarang ujian, ya?

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Ya.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Pengerusi, memang cadangan ini merupakan satu cadangan kembali kepada sistem yang lama. Buat masa ini saya tidak dapat menjawab sama ada kementerian akan bercadang berbuat demikian. Tetapi, walau bagaimanapun, oleh kerana kita dapat melihat pertambahan kenderaan begitu banyak dalam negara kita, tambahan pula dengan kadar kemalangan yang kian meningkat, mungkin sukar sedikit jika kita melonggarkan syarat-syarat bagi pelajar supaya mereka dapat PDL dan terus membawa kereta, tetapi walau bagaimanapun, ini adalah satu perkara yang kita boleh menimbang

sama ada kita akan mengadakan atau tidak, itu soal lainlah, tetapi cadangan ataupun merupakan satu sumbangan Ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi, akhirnya, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, cadangan dan teguran kepada Kementerian Pengangkutan supaya Kementerian Pengangkutan dapat menjalankan segala projek dan aktiviti dengan lebih sempurna.

Apa yang dibangkit, yang dicadangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari semalam, sentiasa menjadi bahan rujukan kepada kementerian dan saya memang mengucapkan terima kasih kepada mereka. Sekian.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM298,345,100 untuk Maksud B.47 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM298,345,100 untuk Maksud B.47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM799,873,110 untuk Maksud P.47 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1996 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM799,873,110 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1996.

**Maksud B.48 [Jadual] -  
Maksud P.48 [Anggaran Pembangunan, 1996] -**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.48 dan Kepala Pembangunan P.48 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar terbuka untuk dibahas. Bukit Mas.

**4.55 ptg.**

**Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]:** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi sedikit pandangan mengenai Kementerian Pembangunan Luar Bandar khusus kepada beberapa perkara yang ada kaitan dengan negeri Sarawak.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan tahniah dan terima kasih, oleh kerana Kementerian Pembangunan Luar Bandar ataupun Kerajaan Barisan Nasional telah memberi kesempatan kepada seorang Ahli Yang Berhormat dari Sarawak untuk memegang jawatan di dalam bidang ataupun kementerian ini. Dengan itu, saya berharap sebagai salah satu wakil rakyat daripada negeri Sarawak, dapat kita

merasa bangga, oleh kerana kerajaan dapat memberi tumpuan khusus kepada pembangunan di luar bandar.

Saya ingin menyentuh mengenai B.48 iaitu di bawah Tajuk Kemajuan Masyarakat, secara keseluruhan ataupun ringkas mengenai Butiran 00100 - Pendidikan Masyarakat, 00200 - Gerakan Masyarakat, 00300 - Pusat Sumber Masyarakat, 00400 - Pendidikan Pra-sekolah, 00500 - Pusat Kegiatan Kemajuan Masyarakat.

Tuan Pengerusi, saya tidak payah mengulangi banyak kali bahawa negeri Sarawak memang besarnya setanding dengan Semenanjung Malaysia, oleh kerana itu saya menyokong pendirian kerajaan untuk menggerakkan kemajuan masyarakat ini khusus di dalam bidang pendidikan masyarakat di peringkat akar umbi ataupun rakyat jelata keseluruhannya.

Oleh kerana itu, saya berharap Kementerian Pembangunan Luar Bandar, kalau boleh tambahlah peruntukan khusus untuk menubuhkan pusat-pusat gerakan masyarakat untuk mendidikkan masyarakat tempatan khususnya di negeri Sarawak, oleh kerana kawasan itu kawasan pedalaman, sukar dihubungi, oleh kerana cara perhubungan masih di dalam keadaan yang tidak selesa. Oleh kerana itu, saya rasa haruslah kita tingkatkan pendidikan dari segi pembangunan insan dan kita berharap dengan adanya tingkatan gerakan ataupun kegiatan-kegiatan aktiviti kemajuan masyarakat, saya berharap dan kita juga semua berharap Sarawak sentiasa berdiri teguh di dalam Kerajaan Barisan Nasional.



Kita tidak mahu apa yang berlaku di negeri jiran di Sabah, di mana mungkin tiap-tiap lima tahun ataupun sepuluh tahun ada pertukaran kerajaan. Oleh kerana kawasan luar bandar, kawasan yang jauh daripada bandar-bandar susah dihubungi dan oleh kerana itu hanya ahli-ahli politik yang sahaja dapat menghubungi mereka.

Dengan adanya banyak kawasan-kawasan yang ada sekarang di Sarawak, ditambah 6 kerusi Dewan Undangan Negeri, termasuk di kawasan saya, Bukit Mas dan kawasan saya juga betul-betul di kawasan pedalaman.

Tuan Pengerusi, kalau boleh saya ingin mengajak rakan-rakan saya dari Semenanjung, saya ingin menjemput mengikut saya, kadang-kadang kita berjalan kaki, dua, tiga hari baru sampai ke satu tempat. Ini memang cabaran kepada kita sebagai wakil rakyat dan oleh kerana itu, dengan adanya masalah perhubungan seperti ini, haruslah kita tingkatkan pendidikan insan khas untuk masyarakat luar bandar.

Di sini saya ingin membangkitkan mengenai Butiran 00602 - Institut Kemajuan Desa (INFRA). Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar ataupun menteri yang berkenaan, saya tertarik hati mengenai Institut Kemajuan Desa, tetapi tak berapa faham apakah kegiatan yang mereka akan tekankan? Di dalam Anggaran Belanjawan tahun 1996 diperuntukkan RM12 juta dan saya ingin bertanya apakah INFRA ini? Kalau boleh, kalau ia adalah satu institusi yang baru ditubuhkan atau belum ditubuhkan lagi, saya minta tubuhkanlah satu di Sarawak.

Mengenai tajuk Bekalan Elektrik Luar Bandar, di bawah P.48. Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 01702 - Sarawak. Di dalam anggaran untuk tahun hadapan RM45,000,000 adalah diperuntukan untuk negeri Sarawak secara keseluruhan dan saya ingin bertanya kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar bagaimana peruntukan RM45,000,000 ini dapat diagihkan kerana di kawasan saya, saya pasti, khususnya di kawasan pedalaman seperti kawasan Bukit Mas, Limbang, Lawas dan kawasan Dataran seperti Bario dan Bak Klalang, rakyat di sana ingin betul-betul, kalau boleh dibekalkan dengan bekalan elektrik luar bandar.

Baru-baru ini saya pernah berjumpa dengan kementerian dan saya mengucapkan terima kasih kerana ada cadangan kementerian untuk membina satu mini-hidro di kawasan saya di Dataran Bario. Ini adalah satu perkara yang baik dan saya rasa kementerian peka dengan masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di kawasan saya, khususnya, oleh kerana sukar dihubungi dan saya ingin juga meminta penjelasan secara terperinci, iaitu mengenai kampung saya sendiri - kadang-kadang kita hendak sebut pun kita merasa segan, di mana ia terletak 7 kilometer sahaja dari Jalan Utama Pan-Borneo, tetapi setakat ini, belum ada bekalan elektrik luar bandar. Oleh kerana itu saya berharap supaya kementerian, kalau boleh tolonglah, oleh kerana selepas satu penggal menjadi wakil rakyat dan dalam penggal yang kedua ini saya rasa orang tempatan atau rakyat, dengan izin, they will not forgive you, sekiranya kontrak kita ini habis nanti mereka akan taji,

Tuan Pengerusi.

Saya rasa saudara saya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang berasal dari Sarawak, seorang dari masyarakat kaum Dayak, saya rasa dia faham dengan keadaan yang saya sebutkan tadi. Ini kampung saya sendiri dan oleh kerana itu saya menyarankan kalau boleh, pada tahun depan ada pilihan raya Dewan Undangan Negeri Sarawak, apa salahnya kalau tidak dapat dibekalkan, pasang sahaja tiang pun cukup. *[Ketawa]*

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, bukan saya ingin menekankan kawasan saya sahaja, tetapi di kawasan-kawasan lain seperti di Baram dan Belaga, oleh kerana rumah panjang ini jauh dari kawasan pekan dan bandar dan juga ia merupakan kawasan terpencil sekali, apa salahnya kalau kementerian mencari cara yang sesuai. Kalau kita membekalkan generator, memanglah mereka ini seperti yang kita katakan, kadang-kadang di dalam rumah panjang mungkin ada dua, tiga orang yang pandai memakai generator dan generator ini kebanyakannya dalam masa 5 atau 6 bulan sudah rosak. Apabila generator rosak, timbul lagi satu masalah - bagaimana kita dapat mengumpulkan wang untuk membaiki generator ini? Bolehkah kementerian mencari cara yang lain seperti mengadakan mini-hidro ataupun sumber dari dengan izin, sunlight, ataupun dengan cara lain. Saya berharap supaya penduduk di kawasan pedalaman di negeri Sarawak dapat menikmati kemudahan, khususnya bekalan elektrik di luar bandar.

Tuan Pengerusi, misal kata ada bekalan elektrik, ini akan dapat

mempertingkatkan taraf kehidupan rakyat khususnya di kawasan luar bandar dan yang penting sekali ialah di kawasan-kawasan rumah panjang ataupun di kampung-kampung yang ada sekolah ataupun sekolah rendah kerajaan. Kementerian harus mengkaji bagaimana kita dapat membekalkan bekalan elektrik selama 24 jam supaya pendidikan sekolah ataupun anak-anak di luar bandar tidak terjejas pendidikannya.

Satu lagi ialah mengenai jumlah permodenan kampung, Butiran 02401 - Penempatan Semula Kampung Tradisional, Butiran 02402 - Pusat Pertumbuhan Desa. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Di negeri Sarawak di dalam tahun yang lepas di pilih, 7 kawasan yang dikatakan Pusat Pertumbuhan Desa. Tetapi apakah maksud Pusat Pertumbuhan Desa ini di dalam peruntukan sebanyak RM10,000,000. Adakah ia diberi kepada kerajaan negeri untuk melaksanakan ataupun Kementerian Pembangunan Luar Bandar ada rancangan sendiri. Kalau Kementerian Pembangunan Luar Bandar mempunyai cara sendiri ataupun ada kegiatan sendiri, saya ingin menyarankan - sekiranya di kawasan-kawasan luar bandar di rumah-rumah panjang kita pilih satu kawasan di mana kita kumpul 4 atau 5 buah rumah panjang supaya kita dapat membangunkan kawasan ini sebagai satu kawasan yang kita katakan sebagai "Pusat Pertumbuhan Desa". Kalau kita mengira dari segi kampung dan rumah panjang di Sarawak - misal kata, rumah panjang ada 3,000 lebih, kalau kita mengambil 6 tempat tiap-tiap tahun, saya rasa selepas kita keluar dari Dewan ini pun, kita tidak dapat

melaksanakannya.

Oleh kerana itu saya berharap kementerian dapat mencari cara ataupun bagaimana kita dapat mengumpulkan 4 atau 5 buah rumah panjang dan selepas itu kita berilah kemudahan-kemudahan yang sesuai yang mereka perlukan sejajar dengan kemudahan-kemudahan yang ada di bandar, misal kata bekalan air, bekalan api elektrik, kemudahan klinik desa, sekolah rendah kerajaan, tadika dan lain-lainnya.

Kalau cara seperti ini, saya rasa senang untuk kita mendidik atau memberi pendidikan selain kepada anak-anak di luar bandar, juga orang dewasa perlu pendidikan daripada kita.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Dengan itu saya berharap kementerian dapat memberi perhatian kepada perkara yang saya bangkitkan tadi. Sekian saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Parit.

**5.08 ptg.**

**Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas [Parit]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mohon merujuk kepada P.48, Program 020300 - Pembangunan Sumber Manusia Kanak-kanak.

Tuan Pengerusi, mengikut laporan prestasi aktiviti sepanjang tahun 1994 hingga tahun 1995, ada lebih daripada 7,000 Kelas Bimbingan Kanak-kanak

(Tabika), iaitu pada tahun 1994 ada 7,065 kelas, tahun 1995 ada 7,064 kelas. Meliputi kanak-kanak yang berjumlah lebih daripada 200,000 orang, manakala pada tahun 1996 pula dijangka ada 221,500 orang kanak-kanak iaitu peningkatan jumlah sebanyak 13,140 orang kanak-kanak.

Tuan Pengerusi, kalau kita lihat jumlah ini, ini merupakan satu jumlah kanak-kanak yang bakal menjadi sumber tenaga manusia pada tahun-tahun yang akan datang dan merupakan satu jumlah yang amat banyak sekali. Cuba kita bandingkan jumlah ini dengan keadaan kelas-kelas tabika yang ada pada masa ini. Saya ingin menarik perhatian kementerian tentang keadaan fizikal kelas-kelas ini.

Sebenarnya kelas-kelas yang ada ini khususnya di merata-rata kampung di seluruh Malaysia ini adalah tidak kondusif untuk pembelajaran dan pengajaran kanak-kanak. Sebagai contoh, kelas-kelas Tabika ini kebanyakannya menumpang bangunan-bangunan lain. Ada kelas-kelas Tabika yang diadakan di bawah-bawah surau, di sisi dewan orang ramai, juga di sisi kawasan-kawasan masjid.

Justeru itu, baru-baru ini kita dapat laporan dari akhbar mengatakan bagaimana sebuah kelas Tabika kanak-kanak telah diperintahkan tutup dan barang-barang, perkakas, alat-alat daripada kelas itu telah dikeluarkan daripada kelas tersebut. Kalau tidak silap saya, mengikut laporan ini terjadi di Masjid Imam As-Shafie, Taman Maluri, Cheras.

Saya tidak hendak memberi penghakiman sama ada tindakan yang dibuat oleh Jawatankuasa Masjid itu wajar ataupun tidak tetapi dalam hal ini, yang harus

kita perhatikan ialah kenapa perkara ini terjadi? Ia terjadi kerana Tabika Kemas ini menumpang di bangunan lain. Kalau Tabika-tabika ini mempunyai bangunannya sendiri, saya rasa ini tidak akan terjadi.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, kalau kita lihat di persekitaran taman-taman Tabika ini, kita akan lihat bahawa taman permainan kebanyakannya tidak ada untuk mereka. Kalau kanak-kanak ini hendak belajar dengan baik dan hendak mempraktikkan kemahiran motor ataupun motor skills masing-masing, kita perlukan taman bimbingan yang sesuai untuk mereka.

Lihat sahajalah taman-taman bimbingan swasta. Suatu tarikan yang dipromosikan oleh pihak-pihak swasta ialah taman permainannya yang cukup lengkap dengan peralatan-peralatan moden yang boleh menarik minat kanak-kanak dan juga memberangsangkan motor skills kanak-kanak ini.

Selain daripada itu, alat-alat bantu pengajaran dan pembelajaran amat kurang sekali khususnya alat-alat pandang-dengar, misalannya slide-projectors, overhead projector, direct projector dan sebagainya. Kalau kita pergi ke mana-mana kelas di Tabika-tabika Kemas ini, kita akan berhadapan dengan satu keadaan di mana alat-alat pandang-dengar ini kebanyakannya merupakan alat-alat yang dibuat daripada manila card ataupun plastik dan sebagainya.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, bilik-bilik pembelajaran untuk kanak-kanak di peringkat ini perlulah bilik-bilik yang begitu ceria dan memberangsangkan. Kalau kita lihat bagaimanakah taman bimbingan kanak-

kanak ini hendak menghiaskan taman atau bilik mereka dengan baik sekali sedangkan mereka menumpang di bangunan-bangunan orang lain dan dalam banyak-banyak hal, bangunan yang mereka tumpang itu akan digunakan pula oleh orang-orang lain. Oleh sebab itu, kalau pun sekiranya ada hendak diwarnakan, ini tidak mungkin dapat dilakukan oleh pihak-pihak Tabika Kemas.

Kita harus prihatin bahawa pada tahun-tahun ini, pada masa kanak-kanak belajar di Tabika ini, ini merupakan tahun-tahun pembentukan fizikal dan mental mereka, dengan izin, formative years bagi kanak-kanak dan dalam masa formative years inilah kanak-kanak perlu didedahkan dan perlu diberikan amalan dan pengalaman dengan alat-alat yang canggih, alat-alat yang ceria dan alat-alat yang memberangsangkan.

Jadi, bagaimanakah, Tuan Pengerusi, kanak-kanak kita di taman bimbingan kanak-kanak Kemas ini dapat bersaing dengan kanak-kanak di dalam Tabika-tabika swasta sedangkan Tabika-tabika swasta ini penuh dengan alat-alat yang canggih. Tabika-tabika Kemas ini, kita akui bahawa bayarannya murah dan minimum sekali tetapi yang kita perhatikan di sini ialah kanak-kanak ini satu hari nanti akan menjadi sumber tenaga manusia kita. Mereka wajar mendapat bimbingan yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi, pada tahun 1992 dahulu, ada satu pilot project yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan dan di dalam pilot project untuk Tabika ini, ada kita dapati kementerian telah cuba mengadakan satu keadaan yang amat



kondusif bagi kanak-kanak. Jadi, saya ingin cadangkan agar Kemas ataupun Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini cuba secara berperingkat-peringkat mewujudkan satu suasana, satu keadaan dan satu infrastruktur yang kondusif bagi kanak-kanak kita khususnya mereka yang di luar bandar.

Saya rasa, satu rancangan yang drastik patut diadakan dan di samping itu, sepatutnyalah satu rangka peruntukan yang realistik disediakan sesuai dengan kelas-kelas yang saya sebutkan tadi supaya kita dapat melahirkan suatu suasana pembelajaran dan pengajaran yang selesa lagi kondusif bagi pihak anak-anak dan juga bagi pihak guru-guru.

Satu lagi perkara, Tuan Pengerusi, yang saya ingin hendak tanya kepada kementerian. Bagaimanakah tentang rancangan hendak menggabungkan yang kita dengar ura-uranya ada hendak dijalankan iaitu gabungan Tabika-tabika ini di kalangan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Sekiranya ada gabungan daripada kementerian-kementerian ini untuk kelas-kelas Tabika, saya rasa inilah yang paling sesuai supaya anak-anak kita ini berpeluang mendapat bimbingan yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh tentang guru-guru bagi Tabika-tabika ini ataupun apa yang dipanggil pemaju-pemaju masyarakat. Pada masa ini, kita dapati bahawa ada 6,745 orang guru dan pembantu guru seramai 2,083 orang. Tiap-tiap Tabika perlu mempunyai dua orang untuk mengelolakannya iaitu seorang

guru dan seorang pembantu tetapi pada masa sekarang, kalau kita lihat di seluruh negara, kita tidak boleh dapat satu kelas yang mempunyai dua orang pengelola. Sebagai contoh, dalam satu kawasan Parlimen sahaja, ada 37 guru dan hanya 7 orang pembantu, bermakna dalam kawasan Parlimen itu ada 30 kelas yang hanya mempunyai seorang guru sahaja.

Jadi, kita takut, kita bimbang, kita risau, apakah akan terjadi kepada kanak-kanak ini kalau apa-apa hal berlaku kepada guru itu ataupun kepada kanak-kanak yang ada belajar di dalam taman bimbingan ini? Adakah guru-guru ini sentiasa hendak mengharapkan pertolongan daripada orang luar khususnya pada orang kampung sekiranya ada sesuatu kecemasan berlaku?

Selain daripada itu, anak-anak yang belajar di dalam taman bimbingan kanak-kanak ini diberi makan dan minum dan kalaulah satu orang guru sahaja yang mengelolakannya, siapa hendak sediakan makanan, siapa hendak mengawasi anak-anak, siapa hendak mengajar anak-anak? Jadi, saya rasa keadaan ini patut kementerian ambil pandangan yang serius dan patutlah baiki dengan serta-merta kerana kita tidak boleh kompromi, kita tidak boleh bertolak-ansur dengan kebajikan dan keselamatan kanak-kanak.

Tuan Pengerusi, menyentuh tentang gaji guru-guru Tabika ini. Dewasa ini guru-guru Tabika hanya diberi RM464 sahaja. Ini tidak setimpal dengan tanggungjawab mereka yang amat berat. Lagi pun, guru-guru yang mengajar ini rata-rata merupakan satu golongan guru yang begitu dedikasi sekali. Bagaimanakah kita mahu mengharapkan produktiviti yang paling tinggi daripada mereka sedangkan mereka ini tidak diberi bayaran ataupun ganjaran yang

sewajarnya.

Saya rasa, kementerian patutlah membuat kajian supaya diperuntukkan elaun yang lebih tinggi daripada ini. Sayugia kita ingatkan bahawa guru-guru ini merupakan guru yang diambil dari tahun ke tahun dan gaji mereka tidak pernah naik, mula daripada RM464, sampai tua pun RM464. Itu pun kalau kementerian hendak ambil mereka sampai tua. Biasanya belum lagi sampai tua mereka ini sudah berhenti.

Tuan Pengerusi, saya sebut tadi bahawa gaji mereka ini saya rasa tidak sesuai kerana selain daripada gaji yang rendah kalau dibandingkan dengan tenaga kerja yang lain di mana rata-rata, saya rasa kebanyakan orang yang bekerja di kilang ataupun menjadi pembantu rumah, mungkin ganjaran yang mereka dapati melebihi RM500.

Guru-guru ini mempunyai tugas yang berat. Misalannya, mereka ini mengajar dalam aktiviti-aktiviti ko-kurikulum seperti nyanyian, gimrama dan sebagainya. Selain daripada itu, mereka juga terpaksa datang balik pada tiap-tiap hari Sabtu. Jadi, bagaimanakah kita hendak mengharapkan mereka ini bekerja daripada hari Isnin hingga ke hari Sabtu sedangkan gaji mereka sudahlah sedikit, tidak pula ditingkatkan dari tahun ke setahun.

Selain daripada gaji, saya ingin juga untuk menyentuh tentang latihan. Saya difahamkan bahawa guru-guru ini pada peringkat mula dahulu diberi latihan selama 6 bulan, tetapi sekarang ini, seorang guru Tabika hanya diberi latihan 3 bulan sahaja. Apakah yang dapat mereka pelajari dalam masa 3 bulan? Selepas 3 bulan itu mereka hanya diberi sijil kehadiran ataupun sijil penyertaan.

Sebagaimana yang saya katakan tadi, murid-murid ini melalui zaman-zaman formative years dan oleh sebab itu, guru haruslah merupakan satu tenaga pengajar yang terlatih dan profesional dan kalau mereka ini ada sijil, ia haruslah merupakan sijil profesional.

Bagaimana hendak dapat sijil profesional sedangkan latihan hanya 3 bulan sahaja? Banyak aspek-aspek tentang pembelajaran dan pengajaran tidak dapat dipelajari dalam masa 3 bulan. Bagaimana tentang aspek-aspek psikologi, bagaimana tentang ahli-ahli psikologi seperti Piaget, seperti Montessori dengan kaedah-kaedah Montessori, seperti Maslow, hendak belajar tentang hierarchy of needs ataupun hirarki keperluan yang perlu diketahui oleh guru yang berdampingan dengan murid-murid yang sedang meningkat pertumbuhan mereka.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat minta gulung, Yang Berhormat.

**Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas:** Tuan Pengerusi, sebelum itu, saya rasa saya ingin hendak gulung satu perkara sahaja lagi iaitu saya hendak mencadangkan penglibatan ibu bapa dengan pengajaran di sekolah-sekolah Tabika. Saya rasa kementerian harus menggalakkan lebih banyak lagi kemesraan dan juga penglibatan daripada ibu bapa di mana ibu bapa ini mungkin boleh datang seminggu sekali. Bukan semua ibu bapa, mungkin seorang ibu atau bapa boleh datang satu minggu sekali untuk mengajar kanak-kanak ini. Mungkin untuk mengajar kraftangan, untuk bercerita, menyanyi dan sebagainya. Ini adalah untuk menggalakkan kanak-kanak ini belajar dan tahu bergaul di luar daripada

lingkungan rumah tangga mereka.

Jadi, Tuan Pengerusi, terima kasih. Dengan ini, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Seri Aman.

#### 4. 24 ptg.

**Tuan Jimmy Donald [Seri Aman]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh berkenaan dengan Maksud B.48, Butiran 02000 - Kemajuan Masyarakat.

Saya ingin merakamkan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar kerana banyak yang telah diberikan kepada Sarawak dan saya juga sangat berterima kasih kerana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kita datang dari Sarawak dan saya tahu beliau adalah seorang yang rajin, dinamik, baik hati dan juga orang yang baik.

**Tuan Pengerusi:** Ya, puji panjang-panjang sedikit ya. *[Ketawa]*

**Tuan Jimmy Donald:** Tuan Pengerusi, oleh kerana saya mahu dia beri lebih banyak lagi projek di kawasan saya. *[Ketawa]* Jadi, apa cadangan yang saya akan beri ialah untuk memperbaiki keadaan yang ada di sana.

Jadi, pertamanya, saya minta peruntukan untuk pembangunan luar bandar di Sarawak diperbanyakkan lagi. Seterusnya, saya juga minta jentera untuk mengimplementasikan apa juga rancangan di Sarawak dikaji semula. Saya minta Kementerian Pembangunan Luar Bandar ada pejabatnya sendiri di semua bahagian

di Sarawak dan saya minta juga supaya hubungan di antara kementerian ini dan Pegawai Daerah juga dikaji semula oleh kerana saya kluatir pada masa sekarang banyak tugas-tugas yang disalurkan melalui Pegawai Daerah dan Pegawai Daerah ada tugas-tugasnya sendiri.

Saya difahamkan, kadang-kadang ada borang yang diisi dengan begitu teliti dan yang telah memakan masa yang begitu panjang dihantar ke Pejabat Pegawai Daerah dan disimpan di dalam laci Pegawai Daerah sepanjang tahun, tidak pernah melihat matahari lagi.

Jadi, saya juga meminta agar hubungan kementerian ini dengan SDO dikaji semula. Saya juga meminta agar lawatan dari Kuala Lumpur oleh pegawai-pegawai dari kementerian ini ke Sarawak diperhebatkan lagi oleh kerana kalau pegawai kita di Kuala Lumpur tidak tahu dan tidak sedar dengan keadaan yang sebenar, mereka tidak begitu sayang dan prihatin. Bukan kerana tidak mahu sayang dan tidak mahu prihatin, tetapi kerana tidak tahu oleh kerana di Sarawak kita ada tradisi di mana pegawai kerajaan pergi ke luar bandar dan pergi ke rumah panjang, berdialog dengan orang di rumah panjang, bermalam di rumah panjang dan melihat keadaan yang sebenar. Saya minta pegawai-pegawai dari Kuala Lumpur lebih kerap lagi pergi ke sana.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan pendidikan prasekolah, saya minta ini diadakan dengan cara yang lebih sistematik lagi dan kalaulah murid di satu kawasa tidak cukup, saya minta pengajian prasekolah ini dipusatkan. Pada masa

sekarang, ada dua tiga buah sekolah yang meminjam tapak sekolah rendah dan apabila sekolah rendah itu kesesakan, sekolah yang dianjurkan oleh kementerian ini terpaksa dipindahkan. Kadang-kadang kelas ini dibatalkan sama sekali dan saya rasa ini bukanlah satu keadaan yang baik.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Mengenai Pejabat KEMAS di Seri Aman, saya minta pejabat ini diperbaiki lagi. Pegawai-pegawai hendaklah ditambah lagi dan peruntukan yang lebih besar juga harus diberi. Saya juga meminta agar pejabat ini dibekalkan dengan komputer dan faks. Saya juga meminta agar elaun perjalanan ditambah oleh kerana sekarang elaun perjalanan mereka tidak mencukupi. Sebulan sekali berjalan, peruntukan elaun perjalanan sudah habis. Jadi, saya minta ini ditambahkan.

Saya merujuk kepada Butiran 01702 - Bekalan Letrik Luar Bandar, Sarawak. Saya mengkaji bahawa peruntukan yang telah dikemukakan ini tidak mencukupi dan untuk kita di Sarawak, ini adalah keperluan asas. Jadi, saya rasa semua rumah panjang harus dibekalkan dengan api elektrik.

Jadi, tidak lama kita akan menerbangkan setelit Malaysia, tetapi di Sarawak, rumah panjang masih gelap. Saya rasa ini adalah satu keadaan yang sungguh menyedihkan kita semua. Saya minta bekalan elektrik ini disambung ke Hulu Undop, ke Batang Seterap, dari Selepong ke Habuk, dari Kedumpai, Sungai Indai, Segak, Mentu, Mudir dan seterusnya ke Pantuk.

Saya merujuk kepada Butiran 02002 - Bekalan Air Luar Bandar, Sarawak. Saya nampak peruntukan ini juga terlalu kecil dan saya juga meminta supaya ini ditambah oleh kerana masih banyak rumah panjang di sana belum menikmati bekalan air.

Saya merujuk kepada Butiran 02800 - Pembangunan Perusahaan Luar Bandar. Di kawasan saya, saya nampak hanya 2 sahaja aktiviti.

Jadi, saya minta facility yang seperti ini patutlah disebar, mungkin melalui surat khabar, melalui radio, melalui cara yang lain supaya orang di luar bandar tahu tentang peluang yang sedia ada untuk mereka dan selepas itu kita mintalah bimbingan dari pegawai-pegawai dari kementerian ini.

Butiran 02300 - Jalan-jalan Luar Bandar. Ini juga Tuan Pengerusi, saya berasa bimbang oleh kerana saya nampak peruntukan untuk Sarawak tidak begitu banyak. Jadi, di kawasan saya, saya minta dan saya memohon dari Jalan Ponda, dari Kampung Kepayang di Semunjan, saya minta jalan ini dari Kampung Kepayang ke Kedumpai, Sungai Indai, Segak, Mentu, Muding, Keranggas dan Pantuk dan dari Pantuk ke Bantiang dan Lingga dan di Unduk dari Batu Lintang ke Temiang dan Tintiangka.

Jadi, untuk masa sekarang jalan raya tidak ada. Apabila murid pergi ke sekolah, mereka terpaksa berjalan kaki. Bila ada perempuan yang hendak bersalin, mereka terpaksa berjalan. Kadang-kadang mereka meninggal dunia oleh kerana tidak dapat berjalan lagi. Jadi, inilah satu situasi yang perlu kita baiki. Jadi, saya haraplah permintaan saya dapat dipertimbangkan oleh kementerian ini.

Dengan itu, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Bintulu.



**5.32 ptg.**

**Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh P.48, Butiran 02002, Butiran 020000, Butiran 04400, Butiran 01702.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengulas tentang peruntukan bagi Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk tahun 1996 sebanyak RM1.618 bilion dan daripada jumlah ini saya tidak pasti berapakah jumlah yang diperuntukkan untuk Sarawak dalam semua aspek pembangunan luar bandar.

Sepatutnya Sarawak sebagai negeri yang terkebelakang dari segi pembangunan perlu mendapat keutamaan dalam agihan peruntukan pembangunan luar bandar dalam Belanjawan negara masa kini, berbanding dengan kebanyakan negeri-negeri lain di Semenanjung yang telah lama menikmati erti pembangunan. Jika ini tidak dapat dilakukan dalam waktu terdekat seperti meningkatkan taraf sosio ekonomi masyarakat luar bandar, membantu memodenkan sektor pertanian luar bandar, memajukan industri hiliran luar bandar, urbanisasi luar bandar menerusi pewujudan pusat-pusat pertumbuhan desa di Sarawak, maka objektif kerajaan untuk merapatkan jurang perbezaan antara sektor bandar dan luar bandar di Sarawak dan di Semenanjung tidak akan tercapai. Saya ingin menggesa Menteri supaya menjelaskan dalam Dewan ini sebenarnya berapakah peruntukan dan jenis

pembangunan yang bakal diagihkan untuk Sarawak dalam tahun 1996? Apakah kerajaan merasai bahawa peruntukan tersebut sudah mencukupi bagi Sarawak sebagai negeri yang besar dan terkebelakang dalam pembangunan luar bandar?

Saya mengambil peluang ini untuk membangkitkan beberapa perkara mengenai Sarawak. Pertama saya mendapati peruntukan bekalan air untuk Sarawak terlalu kecil. Sebanyak RM13 juta, sedangkan Sabah RM15 juta dan Semenanjung RM61 juta. Ini tidak mencukupi kerana kedudukan bekalan air luar bandar Sarawak sangat daif. Banyak tempat rakyat masih bergantung kepada sungai sebagai sumber bekalan air untuk kehidupan harian mereka. Harapan setiap keluarga untuk mendapatkan bekalan air bersih merupakan satu impian yang entah bila akan tercapai. Melainkan kerajaan merangka dan melaksanakan pelan bertindak pembangunan bekalan air luar bandar yang intensif di Sarawak. Bekalan air bersih akan menjadi masalah yang berlarutan menjelang abad ke-21 di Sarawak.

Kedua, saya mendapati masa kini kerajaan mengamalkan dasar pembangunan tanah melalui agensi-agensi pembangunan tanah negeri untuk dijadikan ladang dengan cara kongsi bersama tanah-tanah milik kaum pribumi, mereka diberi peluang bekerja dengan upah yang rendah. Adalah lebih adil jika kerajaan membenarkan pembukaan tanah baru milik kerajaan sendiri dan mengambil kaum pribumi ini bekerja dan diberikan saham di dalamnya. Dari situ mereka dapat menggunakan kemahiran yang diperolehi untuk memajukan tanah

mereka sendiri kemudian.

Ketiga, mengenai KEMAS pula saya mendapati bahawa peranan KEMAS di Sarawak sangat terhad. Kebanyakan aktiviti hanya menguruskan kelas tadika sahaja. Bagaimanakah masyarakat luar bandar Sarawak dapat dibangunkan jika kegiatan KEMAS dihadkan? Saya difahamkan antara objektif-objektif KEMAS ialah melaksanakan pendidikan non-formal yang merangkumi bidang-bidang kehidupan keluarga, kesihatan, ekonomi, pendapatan dari kesedaran sivik, melaksanakan rancangan-rancangan pendidikan prasekolah dan kecemerlangan anak-anak, melaksanakan kursus-kursus praperkhidmatan dalam perkhidmatan pembangunan kerjaya dan konsep pengubahan sikap dan lain-lain. Tetapi perkampungan tradisional yang masih tidak banyak berubah dengan keadaan-keadaan semasa Sarawak memulakan program KEMAS. Oleh yang demikian, peranan KEMAS juga harus dipertingkatkan di Sarawak bagi membantu masyarakat luar bandar mengubah sikap mereka bagi mengejar kemajuan diri dan membentuk kehidupan masyarakat lebih moden.

Tuan Pengerusi, keempat, saya mendapati Lembaga Kemajuan Bintulu telah dipindahkan di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dengan menerima peruntukan pinjaman RM11.1 juta. Tidak lagi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya tidak faham mengapa perlu Lembaga Kemajuan Bintulu berpindah kementerian, sedangkan sebahagian besar Bintulu masih merupakan luar bandar yang mana bekalan air, elektrik, telefon, jalan raya dan

sebagainya masih berkurangan di sana. Disebabkan kawasan yang di bawah bidang kuasa Lembaga Kemajuan Bintulu terlalu luas dan ianya meliputi kawasan luar bandar, maka adalah wajar peruntukan bagi pembangunan di luar bandar diteruskan di bawah Lembaga Kemajuan Bintulu supaya peranan pembangunan luar bandar diteruskan. Tidak hairanlah jika kawasan luar bandar di Bintulu tertinggal kebelakang kerana tidak ada peruntukan bagi maksud ini.

Kelima, mengenai bekalan elektrik ke luar bandar. Saya mendapati peruntukan RM45 juta untuk Sarawak tidak memadai. Sebagai negeri yang terbesar, bekalan elektrik ke luar bandar seluruh Sarawak belum mencukupi. Peruntukan ini perlu ditambah lagi. Kita tidak memerlukan projek raksasa seperti Empangan Bakun untuk membekalkan elektrik kepada penduduk-penduduk di luar bandar. Saya tidak jangka Projek Hidroelektrik Bakun ini akan membawa pembangunan kepada rakyat di sana. Pembinaan Empangan Hidroelektrik Bakun akan hanya memusnahkan rezeki sumber pendapatan warisan Orang Ulu serta merampas hak milik tanah mereka dan mengancam alam sekitar kita. Saya menggesa kerajaan mencari pelan alternatif seperti membina lebih banyak lagi empangan yang kecil di Sarawak dan Sabah supaya negara kita mendapat cukup bekalan elektrik dan pada masa yang sama tidak mengusir penduduk-penduduk di Bakun serta menghapuskan kebudayaan warisan dan sumber pendapatan mereka dan membahayakan agar setengah juta nyawa rakyat Sarawak yang diam di sepanjang Batang Rejang di bawah Empangan Bakun.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Jerantut.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Jerantut.

**5.40 ptg.**

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria [Jerantut]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana telah memberikan saya peluang untuk memberikan pendapat berkenaan dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Saya akan membincangkan satu dua perkara khusus iaitu Maksud B.48, Butiran 030000 dan juga Maksud P.48, Butiran 03100 hingga Butiran 03108 iaitu berkenaan dengan Felcra.

Tuan Pengerusi, Felcra merupakan satu badan bagi menyatukan tanah-tanah yang terbiar dan selepas itu dimajukan dan terus diagihkan kepada tuan-tuan punya tanah, di mana terdapat tanah-tanah kerajaan yang tidak diterokai atau tidak dibangunkan sebaliknya dibangunkan oleh Felcra dan mereka yang dipersekitaran tanah tersebut diberikan saham Felcra.

Apa yang menjadi satu perkara besar atau masalah yang besar ialah bukan hanya di kawasan Jerantut, tetapi boleh jadi juga di kawasan-kawasan lain di mana mereka yang dijangka akan mendapat saham-saham Felcra ini telah pun ditemu duga (interview). Tetapi apa yang malang ialah temu duga ini telah dijalankan dan selepas beberapa tahun, mereka yang telah pun ditemu duga untuk mendapat saham Felcra itu belum dapat saham daripada Felcra. Ada di antara kawasan-kawasan di mana bakal-bakal peserta telah diinterview selama lebih kuang 7-8 tahun yang lalu, tetapi sehingga sekarang masih belum dapat saham daripada Felcra ini. Ada di antara mereka ini telah pun meninggal dunia, tidak dapat saham Felcra dan oleh kerana lama atau masa telah berlalu, 5 tahun, 6 tahun, 7 tahun, 8

tahun ada yang sampai 12 tahun mereka telah pun meninggal dunia.

Saya tidak tahu mengapa Felcra mengambil masa yang begitu lama dari segi untuk mencari siapa yang sepatutnya mendapat saham Felcra ini. Sepatutnya Felcra dengan peruntukan di bawah Maksud B.48 sebanyak RM59,300,000 saya rasa mempunyai machinery atau jentera yang sepatutnya efisien dari segi menemu duga dan juga untuk memberikan saham-saham Felcra kepada bakal peserta-peserta Felcra. Saya harap perkara ini dapat diselesaikan. Oleh kerana setiap kali saya pergi ke kampung tradisional di kawasan saya, saya dapati ada 36 skim Felcra, hanya 4 sahaja skim yang saya difahamkan saham-saham Felcra ini telah diberikan kepada para peserta.

Jadi, apabila saya pergi ke kampung-kampung tradisional ini, satu perkara yang wajib ditanya oleh mereka, kerana saya berdialog dengan peserta-peserta dan orang-orang kampung, perkara yang wajib ditanyakan ialah berkenaan dengan saham Felcra. Saya harap kementerian dapat membuat sesuatu tindakan yang positif dan di dalam masa yang secepat mungkin agar perkara ini dapat diselesaikan, sebab di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Daerah di Jerantut pada pagi tadi, pegawai Felcra yang menghadiri mesyuarat itu tidak boleh menjawab soalan yang saya kemukakan. Jadi, saya hendak kemukakan soalan ini di Dewan yang mulia ini, supaya kementerian dapat memberikan jawapan yang tepat kepada bakal-bakal peserta Felcra.

Keduanya,.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:b** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Rompin bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis :** Terima kasih, saya tertarik dengan pandangan Jerantut. Saya hendak minta sedikit penjelasan atau komen dari Yang Berhormat.

Selain daripada pemasalahan saham, adakah masyarakat juga merungut tentang masalah pendapatan, seperti dari segi pegangan saham, bagaimana pendapatan mereka? Adakah Yang Berhormat puas hati dengan pendapatan atau keuntungan dividen yang dikeluarkan oleh mereka ini kepada rakyat yang dikatakan tolong membantu dan membela?

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Pengerusi, kalau dia tidak dapat saham, macam mana boleh dapat dividen? Jadi setakat ini maknanya pendapatan tidak ada, pendapatan dari rancangan-rancangan Felcra ini hanya didapati oleh Felcra dan tidak diberikan kepada peserta-peserta itu. Jadi, saya mohonlah kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya dapat menyelesaikan perkara ini.

Tuan Pengerusi, mengenai Butiran 01700 - Bekalan Elektrik Luar Bandar dan Butiran 020000 - Bekalan Air Luar Bandar. Sahabat saya Yang Berhormat dari Bukit Mas mengatakan satu kawasan 7 kilometer dari jalan besar tidak dapat bekalan elektrik dan bekalan air.

Tuan Pengerusi, saya dapati satu kawasan yang hanya 2 kilometer dari Jalan Jerantut ke Kuala Lipis melalui Jalan Kereta Api masih tidak mendapat bekalan elektrik dan sebahagian daripadanya hanya dapat bekalan air. Seluruh kawasan tersebut apa yang dinamakan Taman Muhibbah masih belum mendapat bekalan elektrik. Saya berharap perkara ini dapat diambil perhatian oleh pihak kementerian kerana ada lebih kurang 50 keluarga India dan 10 keluarga Melayu yang menduduki Taman Muhibbah ini masih belum mendapat secara menyeluruh bekalan elektrik dan sebahagiannya ialah bekalan air, hanya 2 kilometer dari bandar Jerantut, Tuan Pengerusi. Ini tidak banyak sangat tiang saya rasa, kerana saya pergi ke kawasan ini baru lagi. Saya kira lebih kurang 100 batang tiang diperlukan dan ada juga perjanjian atau janji yang telah dibuat oleh pemimpin-pemimpin yang datang semasa pilihan raya akan dibekalkan dengan bekalan elektrik, tetapi masih belum dapat dibekalkan. Ini adalah dua perkara yang hendak saya utarakan, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ada tiga orang lagi.

**5.57 ptg.**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh Butiran 02900 - Program Peningkatan Ekonomi Kampung, peruntukan sebanyak RM13,355,000. Butiran 02300 - Jalan-jalan Luar Bandar, peruntukan sebanyak RM110,000,000 dan Butiran 02402 - Pusat Pertumbuhan Desa dengan peruntukan sebanyak RM10,000,000.

Tuan Pengerusi, Kementerian Pembangunan Luar Bandar sedang memainkan peranan yang penting untuk meningkatkan taraf sosio ekonomi masyarakat luar bandar, tetapi saya dapati di kawasan Serdang ini masih



terdapat beberapa kampung masih dalam keadaan mundur. Walaupun kawasan Serdang tidak jauh dari Kuala Lumpur, tetapi hakikatnya perlu saya membangkitkan supaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dapat gambaran lebih nyata supaya dapatlah memberi satu peruntukan daripada banyak peruntukan yang akan diluluskan nanti. Saya harap kementerian tidak lagi menganggap negeri Selangor, walaupun dikatakan sebagai negeri yang maju, tetapi masih terdapat lagi kampung-kampung tradisi di luar bandar perlukan banyak peruntukan untuk meninggikan lagi atau meningkatkan kemudahan-kemudahan asas.

Oleh kerana terdapat pandangan atau anggapan terhadap negeri Selangor sebagai negeri yang maju, maka kadang-kadang peruntukan yang banyak diluluskan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar tidak banyak diberikan kepada negeri Selangor. Dengan demikian, saya dapat peluang ini untuk mengutarakan sedikit kaitan dengan kampung-kampung di kawasan saya, misalnya di kampung Sri Aman, Puchong tidak jauh daripada Petaling Jaya, kawasan ini telah diisytiharkan sebagai kawasan perumahan dan juga sebahagian tanah tersebut telah diisytiharkan sebagai taman buaya oleh Kerajaan Negeri supaya industri luar bandar di kawasan ini dapat digalakkan dan juga dapat melibatkan penduduk-penduduk kawasan ini dalam pembangunan ekonomi di situ.

Tuan Pengerusi, Kampung Seri Aman dan kawasan sekitarnya seluas lebih 1,000 ekar sentiasa dilanda banjir. Walaupun mendapat peruntukan daripada Kerajaan untuk mengatasinya, tetapi masih belum dapat diselesaikan pada waktu ini. Tetapi oleh kerana kawasan ini akan dimajukan dan sebahagian

daripada kawasan ini diisytiharkan sebagai Taman Buaya dan juga di antara sebahagian kawasan ini juga akan diisytiharkan sebagai pusat komersil baru kerana kampung ini berpotensi besar dan juga untuk dimajukan sebagai pusat komersil untuk kampung ini.

Tuan Pengerusi, oleh kerana ini kemudahan-kemudahan asas di kawasan ini masih tidak cukup. Sebagai untuk meningkatkan sosio-ekonomi, kampung ini sepatutnya mendapat peruntukan dan dengan kerjasama Kerajaan Negeri untuk sama-sama memberikan satu perancangan supaya penduduk-penduduk di sini akan dapat menikmati apa juga yang dilancarkan oleh Kementeeian Pembangunan Luar Bandar atas program-program atau aktiviti-aktiviti supaya penduduk-penduduk di pinggir bandar ini dapat menikmati pembangunan yang dianjurkan oleh kementerian.

Tuan Pengerusi, satu kawasan lagi iaitu Kampung Sungai Ramal Luar, Kampung Sungai Ramal Dalam dan Sungai Ramal Baru yang tidak jauh daripada pusat pentadbiran Putrajaya. Ketiga-tiga kampung ini adalah merupakan satu kampung tradisi dan tidak cukup kemudahan asas. Ketiga-tiga kampung ini juga perlu mendapat perhatian daripada kementerian supaya mendapat pembangunan selaras dengan pusat pentadbiran Putrajaya yang sedang dimajukan pada waktu ini kerana tidak jauh daripada pusat pentadbiran Putrajaya ini terdapat juga kampung-kampung yang masih mundur, maka ini tidak selaras dengan pembangunan yang dirancangkan pada waktu ini.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan perkara ini penting oleh kerana Kementerian Pembangunan Luar Bandar memainkan peranan penting dalam pembangunan luar bandar untuk meningkatkan sosio-ekonomi atau menambahkan pendapatan rakyat di kawasan luar bandar, maka itulah masa sudah sampai supaya pada masa akan datang kampung-kampung dalam kawasan saya yang saya sebutkan tadi dapat diambil perhatian dan berilah peruntukan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan asas supaya kampung-kampung tersebut dijadikan sebagai rancangan urbanisasi, dijadikan kampung yang moden dan juga penduduk-penduduk kampung tersebut dapat menikmati aliran pembangunan yang sedang pesat dijalankan.

Tuan Pengerusi, perkara yang saya bangkitkan berkaitan kampung-kampung baru di kawasan saya tetapi juga kampung-kampung tradisi hendaklah diberi perhatian supaya dimajukan untuk menambah pendapatan rakyat di kawasan tersebut dan juga dapat menikmati infrastruktur yang moden. Dengan kerjasama dan pertolongan daripada kementerian, maka saya percaya kampung-kampung yang saya sebutkan tadi akan dapat mencapai tahap yang moden.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tambun.

**5.55 ptg.**

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Tuan Pengerusi,

saya ingin menyentuh Butiran 010200 - Perancangan dan Penyelarasan.

Kalau kita mengikut perkembangan sejarah negara daripada tahun 1900 hingga 1957, British melaksanakan pembangunan dualisme. Kawasan Butterworth, Taiping, Ipoh, Kuala Lumpur, Seremban, Melaka dan Johor Bahru adalah kawasan-kawasan pusat bandar dan jalanraya dihubungkan di antara bandar-bandar tersebut. Pusat-pusat kediaman kaum bumiputera yang terdapat di sepanjang pantai Selat Melaka dan sepanjang sungai-sungai utama dibiarkan dalam keadaan yang terbiar, tiada kemajuan dan tiada hubungan jalan raya.

Jadi, saya menesyorkan agar di dalam perancangan dan penyelarasan Kementerian Pembangunan Luar Bandar usaha untuk pembangunan bandar dijadikan perancangan dan strategi utama dalam pembangunan kawasan luar bandar ke arah untuk memajukan, terutamanya kaum bumiputera yang kebanyakannya tinggal di kawasan luar bandar.

Yang kedua, Maksud Pembangunan P.48, Butiran Projek 02300 - Jalan-jalan Luar Bandar. Kita sedia maklum bahawa jumlah peruntukan yang diluluskan adalah sebanyak RM110 juta. Saya membuat kajian sensitiviti. Sekiranya 20% daripada jumlah ini tidak sampai ke sasaran, bermakna RM88 juta yang akan sampai ke sasaran. Sekiranya 30%, bermakna hanya RM77 juta yang akan sampai ke sasaran. Saya membangkitkan perkara ini kerana saya merasa 'concern' kerana banyak projek-projek jalan luar bandar, jumlah yang diluluskan dengan nilai pembangunan yang diterima adalah kurang daripada jumlah yang diluluskan.

Untuk rancangan projek jalan- jalan luar bandar mencapai 100%

kejayaan, saya merasakan perlu pengawasan rapi serta kemaskini ke atas aliran projek di semua peringkat, daripada peringkat membuka tender, pemberian tender, pengawasan projek, kelulusan kerja serta kelulusan bayaran agar ia mencapai efisiensi 100%. Saya juga berpendapat laporan projek bulanan atau suku tahun selain dikemukakan kepada kementerian hendaklah dikemukakan juga kepada wakil rakyat sebagai 'check and balance'.

Yang kedua, tentang pemberian tender. Saya ada menyatakan bahawa pemberian tender kepada penender terendah termasuk di bawah anggaran cost project tidak sesuai dilaksanakan. Ini akan mengakibatkan kualiti jalan yang dibina di bawah standard. Di samping itu, saya juga merasakan bahawa pemberian tender kepada penender yang sama hendaklah mendapat kelulusan khas untuk mengelakkan daripada penyelewengan.

Perkara yang ketiga, mengenai pengawasan projek dan kelulusan projek yang dilakukan oleh technician. Saya berpendapat bahawa mesti ada seorang lain untuk mengawasi pengawasan dan kelulusan tersebut yang dilakukan oleh technician tersebut. Di samping itu, saya dapati bahawa tugas yang diserahkan kepada seorang technician semata-mata kadangkala tidak dapat dilaksanakan dengan baik kerana beban kerja yang begitu banyak. Saya berpendapat bahawa perlu beberapa orang technician lagi untuk mengawasi projek.

Satu lagi kelemahan yang saya rasa perlu mendapat perhatian ialah mengenai dengan peranan kontraktor yang mendapat lesen 'sleeping owner'. Perkara ini amat 'rampant' berlaku di dalam kontrak-kontrak yang dikeluarkan oleh Pejabat Kemajuan Negeri.

Kadang-kala seorang kontraktor memegang 10 hingga 20 lesen sleeping owner.

Ini bukan sahaja menjejaskan kualiti projek, tetapi juga merosakkan rancangan kerajaan untuk melahirkan kontraktor bumiputera yang berwibawa.

Saya juga ingin menyentuh Butiran 02800 - Pembangunan Perusahaan Luar

Bandar, serta Butiran 02900 - Projek Peningkatan Ekonomi Kampung. Tuan Pengerusi, saya mendapati bahawa pada amnya masyarakat bumiputera kekurangan semangat enterprising, berbanding dengan masyarakat Cina. Perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan perusahaan dan program peningkatan ekonomi kampung dan luar bandar perlu realistik. Pengenalan projek hendaklah dijalankan secara berperingkat. Saya dapati bahawa ada beberapa projek yang gagal dilaksanakan. Contohnya, projek pembuatan perabot. Masalah timbul kerana permasalahan minat, modal, kemahiran dan pasaran. Akhirnya, mesin yang dibekalkan kepada penduduk tidak digunakan.

Begitu juga projek pembuatan kasut. Masalahnya adalah dari segi minat, modal, kemahiran dan juga pasaran, serta termasuk projek pengeluaran shampoo dan ubat gigi. Masalahnya adalah dari segi pemasaran. Ini adalah beberapa projek yang saya dapati kurang sesuai dilaksanakan. Apatah lagi kalau masyarakat luar bandar belum lagi bergiat dalam bidang perniagaan.

Satu lagi bidang yang saya dapati kadang-kala merugikan, iaitu bidang kraftangan. Kraftangan tidak mempunyai pasaran yang meluas, kerana ia adalah barangan 'non-perishable goods.' Kalau kita lihat di kawasan kampung baru Cina, saya ambil contoh di Tanah Merah, Menglembu. Ianya mengeluarkan kasut. Kasut adalah barangan yang digunakan, 'perishable goods.' Saya berpendapat bahawa untuk pembangunan perusahaan luar bandar dan meningkatkan ekonomi kampung, sesuai untuk diberi tumpuan kepada kegiatan berbentuk pengeluaran.

Saya yakin kita harus meningkatkan usaha untuk memperkenalkan ‘cottage industry,’ seperti pemasangan alat-alat elektronik, pembungkusan sarung tangan, menjahit baru atau fabric, dengan kerjasama syarikat induk. Projek sebegini banyak dilakukan di dalam kampung-kampung baru Cina. Malahan boleh kita anggap bahawa kampung baru Cina ini bukan lagi merupakan satu kawasan residential, malahan kawasan ‘residential cum commercial,’ berbanding dengan kawasan kaum bumiputera.

Begitu juga projek-projek ternakan ayam daging, burung puyuh, ikan, udang melalui perjanjian dengan syarikat induk, serta tanaman bunga melalui kerjasama dengan syarikat induk. Begitu juga saya lihat bahawa dalam keadaan negara kita sekarang berhadapan dengan kekurangan tenaga kerja. Ada kemungkinan kita boleh memindah ‘production line’ daripada syarikat-syarikat perkilangan besar ke kawasan-kawasan luar bandar. Production line ini dijadikan salah satu industri kawasan luar bandar. Ke arah untuk mencapai hasrat tersebut, kementerian perlu mengadakan perancangan serta pelaksanaan yang tersusun, serta penyelarasan termasuk dengan kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang lain. Terima kasih.

**Dr. L. Krishnan:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Selepas Telok Kemang berucap, Rompin dan diikuti oleh jawapan dari kementerian. Telok Kemang.

**6.05 ptg.**

**Dr. L. Krishnan [Telok Kemang]:** Tuan Pengerusi, suka saya mengucapkan terima kasih di atas kesudian Yang Berhormat mengizinkan saya untuk sama-sama mengambil bahagian untuk memberi pandangan dalam perbahasan. Saya ingin menyentuh Maksud P.48, Butiran 02300 dan Butiran 02500 - Jalan-jalan Luar Bandar dan Jalan Kampung.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita sedar, negara kita cepat membangun. Dengan adanya bangunan pencakar langit yang cantik dan jalan-jalan raya yang lebar dan selesa, kemajuan ini sedang dinikmati oleh penduduk-penduduk di bandar. Tetapi jikalau kita lihat kepada penduduk-penduduk di pedalaman seperti di kampung-kampung dan estet-estet, mereka hidup tanpa kemudahan asas, seperti jalan-jalan yang baik, lebar atau selesa.

Tuan Pengerusi, sehingga kini masih ada jalan-jalan di kampung dalam keadaan yang buruk dan perlu ditarkan. Misalnya, di kawasan saya iaitu di Telok Kemang, ada beberapa kampung, jalannya memerlukan perhatian yang serius, seperti di Kampung Bagan Pinang, Kampung Segenting, Kampung Batu Tiga, Pedas, Kampung Sendayang, Kampung India Bukit Pelanduk yang berhampiran dengan Sepang. Jalan-jalan di kebanyakan kampung-kampung terlalu teruk, sehingga kenderaan tidak boleh menggunakannya.

Tuan Pengerusi, oleh kerana pada masa sekarang banyak penduduk warga tua yang tinggal di kampung, mereka kerap bertanya saya mengenai bagaimana



hendak membawa seorang pesakit ke hospital dengan cepat jika jalannya begitu teruk. Ambulan pun susah hendak masuk.

Tuan Pengerusi, satu golongan penduduk yang menjadi mangsa jalan-jalan yang teruk ialah penduduk di estet-estet. Oleh kerana kebanyakan sekolah Tamil berada di estet, jalan-jalan terlalu teruk sehinggakan guru-guru yang dihantar bertugas ke sekolah-sekolah tersebut enggan pergi. Guru yang pergi pun berkhidmat hanya sementara sahaja. Ini menyebabkan kekurangan guru-guru di sekolah-sekolah tersebut. Jalan-jalannya yang sangat teruk juga menyebabkan bas-bas, termasuk bas-bas sekolah enggan masuk ke kawasan estet. Ini menyebabkan murid-murid sekolah dari estet sukar hendak pergi ke sekolah-sekolah menengah di bandar-bandar berhampiran.

Dengan wujudnya masalah keciciran yang begitu tinggi selepas UPSR yang kita lihat di kawasan luar bandar, soalan saya ialah siapakah yang patut ditanggungjawabkan untuk menyediakan atau menurapkan jalan-jalan di ladang, sekurang-kurang dari jalan utama hingga ke kawasan perumahan di dalam estet? Pihak majikan estet tidak mahu bertanggungjawab ke atas alasan yang kos yang terlalu tinggi.

Oleh yang demikian, saya berharap pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan menyumbangkan lebih peruntukan untuk tujuan membaiki atau menurapkan jalan-jalan di estet-estet, dengan kerjasama dan sumbangan dari pihak majikan ladang-ladang. Dengan cara ini saya berharap hasil daripada

pembangunan negara akan turut dinikmati oleh penduduk-penduduk di kawasan luar bandar.

Dengan kata-kata ini, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Rompin.

**6.02 ptg.**

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya turut menyertai dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam Butiran 010400, Butiran 040000 serta Butiran 02800 sekali gus, Tuan Pengerusi.

Dalam perkara industri desa, kita mengucapkan syabas kepada kementerian (kerajaan) kerana kita lihat banyak pendekatan baru untuk membawa dan membangun industri atau membawa industri dari bandar ke desa. Kita semua di Dewan yang mulia ini yakin bila negara kita nanti menjadi negara maju pada tahun 2020, kita mahu kawasan-kawasan luar bandar juga maju. Kita tidak mahu pada ketika itu ada kelompok-kelompok, terutamanya di luar bandar yang masih kebelakangan, yang masih tercicir.

Apa yang saya ingin mendapat penjelasan, apakah pendekatan-pendekatan baru? Kita dengar macam konsep-konsep satu produk, satu kampung, atau 'one product, one village.' Bagaimana dengan kemajuan konsep-konsep baru ini untuk membawa industri ke luar bandar? Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Tambun tadi. Dia bercakap macam seorang profesor, dengan

teorinya. Alhamdulillah, amat baik. Saya setuju bahawa dalam penyelesaian persoalan pembangunan industri di luar bandar ini, ataupun seperti Yang Berhormat dari Larut suka mengatakan, ‘mengangkat martabat dan maruah orang-orang bandar ini,’ itu kata-kata Larut. Bagaimanakah dengan usaha-usaha kementerian, selain daripada pendekatan seperti ‘satu produk, satu kampung?’

Bagaimana dengan permasalahan yang selalu kita dengar. Orang kampung, dia tanam sayur membela itik, ayam tetapi ayamnya dijamu sendiri di kampung, tidak ada pasaran. Bermakna menghubungkan production di luar bandar dengan pasaran di dalam bandar. Bagaimana isu-isu ini, isu teknologi? Memang kita tidak menolak kalau yang sebenarnya kita tidak adil kita mengatakan orang kampung, orang luar bandar tidak mahu menuju kepada kemajuan. Mereka mahu, tetapi halangan-halangan yang structural, seperti yang dikatakan oleh Profesor dari Tambun tadi. Bagaimana pandangan kementerian dalam perkara ini? Profesor Tambun ya!

Isu pasaran, isu pengurusan, isu teknologi, macam badan-badan seperti MARDI. Adakah kementerian akan membawa mereka ini bersama-sama untuk menyelesaikan permasalahan structural? Kita tidak mahu, kita tidak jauh lagi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen orang Sarawak ya? Tetapi orang Malaysia, Malaysia Sarawak.*[Ketawa]* Bagaimana Yang Berhormat dalam perkara ini? Itu saya rasa amat penting.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, tentang permasalahan LKW ini.

Kemajuan Wilayah. Kita dengar dasar kerajaan untuk mengecilkan saiz LKW dan kita tahu juga dasar ataupun matlamat diwujudkan LKW dahulu bila membuka hutan-hutan ini untuk menjadikan satu kawasan yang maju bermula dengan membuka kawasan hutan menjadikan ladang. Alhamdulillah, kita banyak sudah berjaya tetapi saya amat yakin bahawa dalam ekonomi negara yang menuju kepada industri nanti tidak mencukupi kalau hanya kawasan-kawasan LKW ini hanya tertinggal sebagai ekonomi asas tani. Ekonomi asas tani kita tahu tidak akan menyaingi ekonomi asas industri. Bagaimana perancangan kementerian? Saya bimbang kalau kecil-kecil tadi tidak ada apa yang tinggal. Siapa akan memperjuangkan kawasan-kawasan luar bandar di bawah LKW ini? Itu kebimbangan ramai rakyat di luar kawasan, terutama sekali saya sendiri di DARA, di Jengka. Mana Datuk Bandar Jengka? Sudah naik pangkat jadi Setiausaha Parlimen sekarang. So, bagaimana?

Rintihan, pemmasalahan di luar bandar ini dengan memperkecilkan saiz LKW ada kebimbangan sedikit dari rakyat. Kita bangga dengan satu jaminan yang dibuat oleh Menteri tidak lama dahulu tetapi adakah jaminan itu yang diberi oleh Menteri dahulu tetap akan dilaksanakan untuk tahun hadapan dan tahun-tahun seterusnya?

Yang terakhirnya masalah sedikit kawasan saya, Tuan Pengerusi, kalau boleh. Tentang DARA. Kita berterima kasihlah bagi pihak Wakil Rakyat kawasan, nampak peruntukan projek untuk DARA masih ada. Memang tetap

adalah DARA itu tahun depan, tetapi kebimbangan kita....Ya? Hulu Terengganu kata ni, dara dah kahwin ke belum? Dara belum kahwinlah [*Ketawa*] tetapi hutan DARA kahwin. Kebimbangan ialah bahawa projek-projek yang disalurkan ke badan-badan yang begini, kalau projek yang disalurkan melalui pejabat daerah sudah ada badan-badan tertentu untuk menyalurkan, untuk mendapat pandangan wakil rakyat bila menggunakan peruntukan ini.

Saya menyeru juga kalau peruntukan kepada LKW ini, sebelum pelaksanaan projek, sebelum menyalurkan peruntukan, rujuklah kepada wakil-wakil rakyat kawasan, terutama Ahli Parlimen ya. Ada keluhan sedikit Ahli Parlimen ini macam tidak ada, dengan izin, we do not exist dalam... tetapi tidak kesemua, tetapi ada keluhan. Mintalah supaya sedikit dapat jaminan daripada kementerian bahawa dalam pelaksanaan projek-projek dalam LKW ini, wakil-wakil rakyat kawasan diambil kira juga pandangan mereka.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, sedikit pandangan saya dan saya ucapkan terima kasih dan saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, diminta jawab.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]:** Tuan Pengerusi, bagi pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada sembilan Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan pada petang ini mengenai Budget

kementerian dan saya ucapkan terima kasih kepada mereka ini kerana telah menunjukkan minat dan perhatian kepada masalah-masalah yang membabitkan masyarakat kita di luar bandar.

Bagi kementerian, kita memang akan meneruskan usaha kita untuk memajukan luar bandar. Bagi kita, kita akan meneruskan usaha untuk mentransformasikan luar bandar dan langkah-langkah yang kita akan ambil ialah termasuk menyusun semula kampung-kampung supaya ia menjadikan kampung-kampung ini lebih kompetitif dengan kedua-dua sektor pertanian dan industri moden menjadi aktiviti utama penduduk luar bandar.

Penekanan diberi kepada peningkatan daya pengeluaran pertanian serta komersial sepertimana ia juga disarankan oleh Dasar Pertanian Negara. Industri-industri besar dan kecil di tempatkan di kawasan luar bandar dengan keutamaan kepada industri berasaskan pertanian, berasaskan sumber dan mempunyai talian dengan pusat pertumbuhan desa. Kawasan luar bandar, kita berharap dapat maju dan dapat reformatikan menjadi satu kawasan yang menarik, maju dan menguntungkan supaya ianya tidak tertinggal dalam usaha negara membangun ke arah Wawasan 2020. Inilah landasan usaha-usaha kementerian untuk membangunkan luar bandar pada tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Pengerusi, ramai Yang Berhormat telah bercakap mengenai beberapa perkara, beberapa isu dan saya tidak berhasrat untuk menjawab semua perkara yang disentuh khususnya kepada permohonan projek-projek di kawasan masing-

masing. Semua ini akan diambil perhatian oleh kementerian dan kita akan menimbang segala permohonan yang ada diajukan oleh wakil rakyat tadi.

Kita faham masalah utama yang dihadapi oleh luar bandar adalah masalah infrastruktur yang masih belum begitu mencukupi. Oleh itu satu usaha dari kementerian adalah untuk meningkatkan infrastruktur ini termasuk jalan luar bandar, bekalan elektrik luar bandar, projek jalan kampung dan sebagainya dan saya ingin di sini memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian khususnya yang datang dari luar bandar bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar memang sentiasa berusaha untuk menentukan kemajuan di luar bandar khususnya infrastrukturnya adalah selari dengan kehendak dan keperluan semasa khususnya apabila kita hendak membawa industri-industri ke luar bandar. Dan saya berharap juga Ahli-ahli Yang Berhormat sabar kalau ada kawasan yang masih tertinggal, ada dua kilometer dan tujuh kilometer tadi, kita berusaha kerana kita hanya mampu untuk menjalankan projek setakat mana sumber-sumber yang kita ada dan begitu juga dengan kebolehan pelaksanaan di peringkat bawah.

Yang bercakap kali pertama tadi ialah Yang Berhormat dari Bukit Mas, kawan saya dari Sarawak. Beliau telah menyentuh, yang pertama mengenai Kemas. Dia menyarankan bahawa peruntukan untuk mendidik penduduk luar bandar Sarawak khususnya untuk pembangunan insan haruslah ditambah dan beliau juga memberi sokongan, kita ucapkan terima kasih atas sokongan beliau, bahawa projek ini akan kita teruskan.

Memang, untuk makuman Ahli Yang Berhormat, kita di kementerian memang berusaha dari masa ke semasa untuk mempertingkatkan pendidikan rakyat di luar bandar kerana teras pembangunan dalam usaha kita untuk mentransformasikan luar bandar yang kedua ini adalah pembangunan insan.

Oleh yang demikian, usaha-usaha dari Kemas dan dari badan-badan agensi-agensi kementerian, memang mengambil iktibar bahawa perkara ini kita tidak akan abaikan.

Beliau juga menanya mengenai INFRA. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Institut Kemajuan Desa (INFRA) adalah satu institusi latihan bagi mengendali program-program latihan dan kajian dalam aspek-aspek pembangunan luar bandar. Ini meliputi menilaikan projek-projek luar bandar, mengkaji mengenai usaha-usaha pembasmian kemiskinan, pemodenan desa, pembangunan insan dan juga pembangunan industri.

Setakat ini, kementerian hanya mencadangkan mengadakan satu bangunan, berpusat di Kuala Lumpur, maka kita tidak bercadang untuk menubuhkan satu institut INFRA di Sarawak kerana INFRA akan mengaturkan program dan rancangan untuk menentukan semua negeri-negeri termasuk negeri Sabah dan Sarawak sama-sama mendapat manfaat dari program INFRA ini.

Mengenai peruntukan yang ditanya tadi RM12 juta, ini adalah untuk bangunan INFRA yang kita sedang bina sekarang.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas juga bertanya mengenai peruntukan



RM45 juta kepada negeri Sarawak bagi bekalan elektrik luar bandar. Beliau bertanya bagaimanakah pengagihan ini dibuat? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengagihan elektrik luar bandar ini adalah dijalankan mengikut saluran yang biasa iaitu dari Pejabat Pegawai Daerah, dari projek Pegawai Daerah akan diajukan kepada Pejabat Pembangunan Negeri dan Pejabat Pembangunan Negeri akan membuat prioritinya untuk diajukan kepada kementerian.

Walau bagaimanapun, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat merasakan ada kawasan-kawasan yang sepatutnya ditimbang kerana lama telah tinggal ataupun ada keperluan untuk industri-industri ataupun apa-apa sebab yang munasabah dalam pandangan Ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bolehlah memajukan permohonan masing-masing kepada Pegawai-pegawai Pembangunan Negeri.

Ahli dari Bukit Mas juga bertanya mengenai Pusat Pertubuhan Desa. Mengenai Pusat Pertubuhan Desa ini ada peruntukan RM10 juta dalam tahun 1996. Program Pusat Pertubuhan Desa adalah bagi membangunan Pusat Pertubuhan Desa di negeri melalui agensi-agensi di peringkat negeri, seperti di Pejabat Daerah. Di bawah program ini, kampung-kampung kecil termasuk rumah-rumah panjang akan dikelompok dan disusun semula secara teratur, supaya pembangunan infrastruktur, kemudahan utiliti, kemudahan awam dan pembangunan manusia, ekonomi menjadi lebih ekonomik dan mudah.

Oleh itu, cadangan Ahli Yang Berhormat telah diambil perhatian dalam kita

melaksanakan program Pusat Pertubuhan Desa ini.

Ahli Yang Berhormat yang kedua, yang telah memberi pandangan tadi adalah Ahli Yang Berhormat dari Parit. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana beliau telah menunjukkan keprihatinan dan kepakaran beliau dalam pendidikan kanak-kanak. Kita memang mengalu-alukan segala pandangan yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Memang, kementerian sedar masalah yang dihadapi oleh kelas-kelas tabika ini, tetapi saya ingin menjelaskan di sini, konsep asas penubuhan tabika ini dahulu dan hingga sekarang. Sebenarnya, tabika ini adalah satu projek usahasama di antara kerajaan dengan masyarakat. Kerajaan mengadakan guru dan alat-alat juga di mana yang mampu, kita mengadakan bangunan. Dan di mana kita mampu, masyarakat diminta mengadakan bangunan-bangunan untuk menubuhkan kelas tabika ini, kerana tujuan asas kita, tujuan utama kita adalah untuk menentukan anak-anak yang selama ini tidak dapat pendidikan tabika di luar bandar khususnya, boleh mendapat pendidikan tabika ini dengan kerja kita berusaha sama seperti ini, bergotong-royong. Memang, kerajaan juga menggalakkan semangat bergotong-royong.

Oleh itu, maka Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya yang baru mungkin melihat keadaan yang rupanya tidak begitu elok, di mana bangunan-bangunan tabika kita menggunakan masjid, menggunakan dewan masyarakat dan ada juga menggunakan rumah orang perseorangan dan sepertimana yang telah disebutkan

oleh Ahli Yang Berhormat tadi, ada berlaku 'isolated cases', di mana masalah tabika terpaksa ditutup.

Jadi, semua ini, kalau kita tidak tengok ke hadapan, ataupun toleh ke belakang, apakah tujuan yang sebenarnya, memang ini rupanya tidak ada keprihatinan dari kementerian. Itulah saya ingin menjelaskan di sini supaya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian boleh memahami mengapa beberapa perkara yang telah ditimbulkan itu berlaku seperti rumah-rumah tabika yang menggunakan tempat-tempat seperti balai raya dan sebagainya, kerana saya ingin menekankan di sini, yang paling penting di dalam keadaan ini adalah kita dapat memberi perkhidmatan, pendidikan prasekolah kepada anak-anak kita di luar bandar. Kerana sebelum ini, ataupun di mana kelas tabika ini tidak diadakan, kita mendapati bahawa anak-anak kita di luar bandar, khususnya kaum bumiputera, tertinggal dalam pendidikan.

Oleh yang demikian, kerana kita pun mempunyai sumber yang terhad, tetapi kalau kita dapat bekerjasama, bantu-membantu di antara kerajaan dan masyarakat dan kita dapat mencapai matlamat kita untuk mengadakan kelas tadika ini kepada anak-anak kita. Saya rasa, ini satu pencapaian yang kita sama-sama harus banggakan dan saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat sama-sama 'bear the problem', masalah yang dihadapi, setakat mana yang kita belum dapat selesaikan.

Walau bagaimanapun, kementerian memang berusaha, kalau kita tengok dalam peruntukan yang ada, beberapa tahun ini telah ada peruntukan untuk

menyelenggara kelas-kelas yang begitu daif, yang begitu tidak baik dan itulah satu permulaan langkah dari kementerian untuk menentukan keadaan-keadaan khususnya rumah-rumah di tadika ini tidak begitu sepertimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit tadi, tidak 'conducive' untuk anak-anak kita.

Saya percaya, kementerian sekarang juga telah membuat berbagai cadangan dan pendekatan yang kita akan berusaha untuk Rancangan Malaysia Ketujuh supaya masalah yang disebutkan, ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, termasuk masalah rumah-rumah yang usang, alat-alat sekolah yang kurang dan sebagainya, bilik-bilik kelas yang tidak ceria, ini semua kita dapat selesaikan.

Tetapi, untuk sementara waktu, saya harap Ahli Yang Berhormat sama-sama juga menyumbang ke arah menceriakan kawasan-kawasan dan kelas-kelas tadika kita masing-masing supaya anak-anak pengundi-pengundi kita di kawasan kita juga berterima kasih kepada kita kerana kita sentiasa menyumbang kepada masalah mereka.

Satu lagi mengenai ....

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun. Tetapi saya rasa, hari telah suntuk, Yang Berhormat.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Pengerusi, hari telah suntuk?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya. Jadi, kita sambunglah minggu depan, ya!

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Okay.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, baik.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari Isnin depan.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*

